


# 2014 LAPORAN TAHUNAN

**MENHUBUNG RAKYAT MEMBINA MASYARAKAT BERMAKLUMAT**



**Menjelang tahun 2020, perkhidmatan jalur lebar sehingga 100mbps akan disediakan kepada semua isi rumah di bandar. Penduduk di kawasan pinggir serta luar bandar pula akan mempunyai akses sehingga 20Mbps.**

**- RMKe-11**

# KANDUNGAN

i	<b>VISI DAN MISI</b>
ii	<b>OBJEKTIF</b>
iii	<b>PIAGAM PELANGGAN</b>
iv	<b>PERUTUSAN MENTERI</b>
v	<b>PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA</b>
vi	<b>PENERAJU KKMM 2014</b>
vii	<b>CARTA ORGANISASI KKMM 2014</b>
	<b>SPEKTRUM KKMM</b>

## LAPORAN KKMM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	23
UNIT AUDIT DALAM	25
PENASIHAT UNDANG-UNDANG	27
BAHAGIAN ANTARABANGSA	28
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK	34
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN ANALISIS MAKLUMAT	35
BAHAGIAN PENYELARASAN MEDIA	38
BAHAGIAN INFRASTRUKTUR, APLIKASI DAN TEKNOLOGI	46
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	49
BAHAGIAN KEWANGAN	52
BAHAGIAN PEMBANGUNAN	56
BAHAGIAN AKAUN	57
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT	58
PUSAT SUMBER	60
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	62

## LAPORAN JABATAN/AGENSI KKMM

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)	65
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JAPEN)	69
JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)	74
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)	77
INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)	79
PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)	82
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL (FINAS)	85
PERBADANAN PEMBANGUNAN MULTIMEDIA (MDEC)	87
MyNIC	89

➤ **Menjadi Peneraju Utama Masyarakat Bermaklumat.**

➤ **Membangun Dan Memperkasakan:-**

- Industri Kandungan;
- Teknologi Dan Keselamatan Maklumat; dan
- Infrastruktur Komunikasi Dan Multimedia Negara.




- Merancang, membangun, menyelaras, melaksana dan memantau dasar-dasar dan perundangan berkaitan keselamatan dan integriti teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia
- Menyebar dan memasar maklumat kerajaan di peringkat kebangsaan dan global
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan industri kandungan secara kreatif dan inovatif
- Membangun dasar dan program keselamatan maklumat dan infrastruktur komunikasi



Kami, warga Kementerian berjanji akan:

- Menyampaikan maklumat terkini dan dasar Kerajaan kepada masyarakat dengan sah, tepat, cepat, jelas dan berkesan menerusi media elektronik, cetak dan komunikasi bersemuka;
- Menyediakan prasarana dan perkhidmatan komunikasi jalur lebar, Internet dan selular yang bermutu bagi memenuhi kehendak pelanggan; Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan industri kandungan secara kreatif dan inovatif
- Memproses permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap;
- Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut:
  - o Aduan penerimaan dalam tempoh 1 hari bekerja;
  - o Maklum balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja; dan
  - o Laporan status bulanan aduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) pada minggu pertama setiap bulan;
- Memastikan bil dan invois dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

# CONNECTING THE UNCONNECTED



Rangkaian hubungan antara rakyat akan terus diperkukuhkan dengan meningkatkan ketersambungan, mobiliti dan penggunaan ICT untuk membuka peluang kepada masyarakat/komuniti mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi.



## PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

Tahniah dan syabas kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) di atas penerbitan Laporan Tahunan 2014. Daripada penerbitan Laporan Tahunan ini didapati bahawa segala program yang dirancang pada tahun 2014 telah dilaksanakan dengan jayanya di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, dan daerah. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada seluruh warga KKMM atas sikap serta semangat kerja berpasukan dan disiplin yang tinggi, ketetapan masa, fakta serta mengamalkan falsafah kecermerlangan yang tinggi.

Dalam dunia siber ini, KKMM meneruskan usaha mendidik dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini kearah mencapai wawasan 2020. Pendekatan komunikasi bersemuka berganding bahu dengan kemajuan teknologi maklumat dalam usaha pembangunan insan dan pembentukan negara maju.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan tertinggi dan anggota kementerian yang telah memberi komitmen, dedikasi serta sumbangan dalam menjayakan segala perancangan kementerian sepanjang tahun 2014. Tidak lupa saya juga mengucapkan kepada semua rakyat Malaysia atas sokongan padu serta kerjasama yang diberikan dalam menjayakan segala program, aktiviti dan projek yang dilaksanakan oleh kementerian ini.

Akhir kata, semoga kita dapat memainkan peranan kita dengan lebih cemerlang dan selamat maju jaya.

**Y.B. SENATOR DATUK SERI PANGLIMA  
DR. MOHD SALLEH TUN SAID KERUAK**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia**

**7**

## KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Saya ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada semua warga Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang telah bertungkus-lumus dalam menyediakan Laporan Tahunan yang lebih komprehensif bagi tahun 2014. Penerbitan Laporan Tahunan ini mengingatkan kita tentang pencapaian KKMM sepanjang tahun 2014 dalam usahanya menedjar, mendidik, dan mengingatkan rakyat Malaysia tentang WAWASAN 2020.

KKMM melalui jabatan dan agensi dibawahnya berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang hasil kerjasama dan iltizam semua pihak. Tidak dapat dinafikan bahawa KKMM merupakan peneraju utama dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat menerusi semua saluran dan sumber yang sedia ada.

KKMM juga memainkan peranan penting bagi memastikan maklumat mengenai kenegaraan disampaikan kepada rakyat dengan pantas dan tepat serta secara positif oleh masyarakat. KKMM mampu menjadi medium perkongsian maklumat kearah memperkasakan pembangunan teknologi maklumat dan teknologi komunikasi dengan lebih berkesan.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas penerbitan buku Laporan Tahunan 2014 ini. Semoga ianya menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak terutama warga KKMM. Sekian, Terima Kasih

**YBHG. DATO' SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD**

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

# PENERAJU KKMM



**Y.B. SENATOR DATUK SERI PANGLIMA DR. MOND  
SALHEN TUN SAID KERUAK**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia



**Y.B. DATO' JAILANI BIN JONARI**  
Timbalan Menteri Komunikasi  
dan Multimedia, Malaysia



**Y.BHG. DATO' SRI DR.  
SHARIFAH ZARAH  
SYED AHMAD**  
Ketua Setiausaha Komunikasi  
dan Multimedia, Malaysia



**DATO' K. BALASINGAM**  
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

**Y.BHG. DATO' HI. ABU BAKAR  
AB. RAHIM**  
Ketua Pengarah Penyiaran RTM

**Y.BHG. DATO' SRI HALIM SHAFIE**  
Ketua Pengarah Skmm

**EN. MAZMALEK MOHAMAD**  
Ketua Pengarah (Jpdp)



**Y.BHG. DATO' MOHID MOHAMED**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

**Y.BHG. DATO' HI. IBRAHIM  
ABDUL RAHMAN**  
Ketua Pengarah Jabatan Penerangan

**DATUK ZULKEFLI SALLEH**  
Ketua Pengarah (Bemama)

**EN. NASMUL FADHLY HASAN**  
Ketua Pengarah (Mynic)



**Y.BHG. DATUK CHE AZEMI HARON**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

**Y.BHG. DATUK DR. MOND PUAD  
ZARKASMI**  
Ketua Pengarah (Jasa)

**Y.BHG. DATO' KAMIL OTHMAN**  
Ketua Pengarah (Finas)

**Y.BHG. TAN SRI ABDUL HALIM ALI**  
Ketua Pengarah Mdec

**TAN SRI DATO' ZAMZAMZAIRANI MOND ISA**  
Ketua Pengarah Tm



**KETUA SETIAUSAHA**

**KETUA UNIT  
KOMUNIKASI KORPORAT**

**KETUA UNIT AUDIT DALAM**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
KANAN (PENGURUSAN)**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
KHIDMAT PENGURUSAN**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
KEWANGAN**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN ACARA**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
AKAUN**

**PUSAT SUMBER**



**TIMBALAN KETUA  
SETIAUSAHA (II)**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
DASAR & PERANCANGAN  
STRATEGIK**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENGURUSAN DAN  
ANALISIS MAKLUMAT**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
PENYELARASAN MEDIA**

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA | LAPORAN TAHUNAN 2014



KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA | LAPORAN TAHUNAN 2014

# **SPEKTRUM KKMM**



DISEMBER : MAJLIS PERASMIAN WORLD YOUTH STAMP EXHIBITION 2014 OLEH YB DATO' JAILANI JOHARI, TIMBALAN MENTERI KKM DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KLCC



DISEMBER : BENGKEL (RETREAT) PELAN TRANSFORMASI KKM TURUT DI HADIRI YB. DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK, MENTERI KKM DI AWANA KIJAL, TERENGGANU



DISEMBER : MAJLIS PERASMIAN WORLD YOUTH STAMP EXHIBITION 2014 OLEH YB DATO' JAILANI JOHARI, TIMBALAN MENTERI KKM DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KLCC



DISEMBER : MAJLIS PERASMIAN WORLD YOUTH STAMP EXHIBITION 2014 OLEH YB DATO' JAILANI JOHARI, TIMBALAN MENTERI KKM DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KLCC



NOVEMBER : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KUIZ TERKUMPUL DRAMA BERSIRI MENCINTAIMU OLEH YB MENTERI KKM DI AUDITORIUM P.RAMLEE



NOVEMBER : YB.DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK DI MAJLIS PERTANDINGAN GOLF MUHIBAH ATM & KKM SIRI 2 2014 DI GLENMARIE GOLF & COUNTRY RESORT



NOVEMBER : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN LIGA REMAJA KREATIF 2014 PERINGKAT KEBANGSAAN OLEH YB MENTERI KKM DI AUDITORIUM PERDANA ANGKASAPURI KUALA LUMPUR



NOVEMBER : MALAM ANUGERAH FESTIVAL FILEM MALAYSIA (FFM) KE 26 DI AUDITORIUM TUNKU PUAN CHIK KOMPLEKS PENYIARAN TUANKU MUHAMMAD, NEGERI SEMBILAN



NOVEMBER : YB.DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK DI MAJLIS PERTANDINGAN GOLF MUHIBAH ATM & KKM SIRI 2 2014 DI GLENMARIE GOLF & COUNTRY RESORT



OKTOBER : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH MSC MALAYSIA APICTA 2014 OLEH YB DATO' JAILANI JOHARI TIMBALAN MENTERI KKM DI AUDITORIUM PERDANA ANGKASAPURI

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA | LAPORAN TAHUNAN 2014



SEPTEMBER : MAJLIS PENUTUPAN KL CONVERGE [CHEER @KL CONVERGE] YANG TELAH DISEMPURNAKAN OLEH YB DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK, MENTERI KKM DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR



OGOS : MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2014 OLEH YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK PERDANA MENTERI MALAYSIA DI DATARAN PUTRAJAYA



MAC : PERHIMPUNAN BULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN PELANCARAN AWAL SEMPENA DETIK KIRA 100 HARI PIALA DUNIA FIFA 2014 OLEH YB. MENTERI KKMM DI ANGKASAPURI



MAC : PERHIMPUNAN BULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN PELANCARAN AWAL SEMPENA DETIK KIRA 100 HARI PIALA DUNIA FIFA 2014 OLEH YB. MENTERI KKMM DI ANGKASAPURI



JANUARI : MENTERI KKM DI MAJLIS PERTANDINGAN GOLF PERPADUAN 1 MALAYSIA 2014 ANTARA KKM DAN ATM DI KLGCC



JANUARI : PROGRAM BICARA BERSAMA YB MENTERI KKM BERSAMA MAHASISWA UITM PERAK (SRI ISKANDAR)



JANUARI: MAJLIS PELANCARAN DRAMA "GERAK KHAS" MUSIM BAHARU DI DEWAN THEATRETTE, MENARA 1, BUKIT AMAN KUALA LUMPUR



JANUARI: MAJLIS PELANCARAN DRAMA "GERAK KHAS" MUSIM BAHARU DI DEWAN THEATRETTE, MENARA 1, BUKIT AMAN KUALA LUMPUR

# LAPORAN TAHUNAN

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Penubuhan UKK di Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan berkuat kuasa mulai 10 April 2009. UKK ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej Kementerian dan mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai baris hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam Kementerian.

## Pengurusan Aduan

UKK bertindak di barisan hadapan dalam menguruskan aduan daripada rakyat. Biro Pengaduan Awam (BPA) menganugerahkan Sijil Pengurusan Aduan Cemerlang 2014 kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada Seminar Pengurusan Aduan 2014 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 9 Oktober 2014.

Biro Pengaduan Awam telah menetapkan KPI bagi pengurusan aduan iaitu :-

- Mencapai atau melebihi KPI 80% bagi penyelesaian aduan
  - Mencapai atau melebihi KPI 60% bagi penyelesaian aduan dalam masa 15 hari
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah berjaya menyelesaikan aduan sebanyak 96.3% dan 60.8% bagi penyelesaian dalam tempoh 15 hari.

## Aktiviti Promosi dan Hubungan Media

UKK sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan media terutama dalam hal-hal berkaitan mempromosi dasar dan program kementerian. UKK menjadi orang tengah yang menghubungkan media dan kementerian. Ini termasuk menyediakan urusan yang berkaitan dengan jemputan membuat liputan majlis, sidang media, media kit, layanan semasa di majlis sehinggalah media selesai menjalankan tugas dan meninggalkan majlis.

Usaha mempromosi dasar dan program kementerian dibuat melalui pelbagai saluran media termasuk televisyen dan radio. Walaupun RTM terletak di bawah kementerian, hubungan dengan organisasi media swasta yang lain terus dijalin dan usaha

mempromosi kementerian dibuat melalui media swasta juga. UKK mengatur pelbagai slot temubual di televisyen dan radio dalam menghebah maklumat kementerian kepada rakyat.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, UKK memainkan peranan penting mempromosi pelbagai program-program yang diatur sempena kedua-dua sambutan ini. Media sosial yang telah menjadi saluran media yang penting ketika ini turut menjadi medan bagi UKK untuk menghebahkan pelbagai maklumat mengenai kementerian.

Usaha memupuk dan memelihara jalinan kerjasama yang baik dengan media, UKK sentiasa menjemput pihak media untuk turut serta dalam majlis-majlis keraiian kementerian seperti Majlis Berbuka Puasa dan Sambutan Hari Raya bersama-sama dengan Pegawai Tertinggi Kementerian.

## Pengurusan Bahan Penerbitan

UKK bertanggungjawab menguruskan penerbitan Laporan Tahun Kementerian serta Buletin KKMM.



Antara Kerja-Kerja Keratan Akhbar dan Pengebitan Yang Dijalankan di UKK

## Pengurusan Isu

Bagi memelihara nama baik kementerian, UKK bertanggungjawab memantau berita-berita yang disiarkan di media tempatan termasuk media sosial. Sebarang berita negatif diberikan maklum balas bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan supaya rakyat mendapat gambaran yang jelas tentang isu tersebut.

## Anugerah Sijil

Pada tahun ini, buat pertama kali, Biro Pengaduan Awam (BPA) menganugerahkan Sijil Pengurusan Aduan Cemerlang kepada kementerian dan agensi yang berjaya mencapai KPI pengurusan aduan yang telah ditetapkan pada tahun 2013

- Mencapai atau melebihi KPI 80% bagi penyelesaian aduan
- Mencapai atau melebihi KPI 60% bagi penyelesaian aduan dalam masa 15 hari bekerja.





# UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KKMM.

## Program Pengauditan

Program Audit merangkumi pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, penampilan audit ICT, audit susulan, pengauditan akruan dan pengauditan khas/siasatan. Garis Panduan Pengauditan digunakan bagi menghasilkan laporan yang berkualiti dan mengikut standard.

### 1.1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kawalan dalaman dalam sistem kewangan organisasi yang diaudit. Sepanjang tahun 2014, UAD telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan di 13 Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu:

- KKMM;
- Jabatan Penyiaran Malaysia RTM – 4 PTJ;
- Jabatan Penerangan Malaysia – 4 PTJ;
- Jabatan Hal Ehwal Khas – 4 PTJ; dan
- BERNAMA.

## Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi adalah pendekatan audit bagi menentukan sumber, operasi dan aktiviti/program telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan ekonomik. Value for money dan keberkesanan dalam pengurusan program/aktiviti projek dititikberatkan semasa pengauditan. Pada tahun 2014 sebanyak 4 pengauditan prestasi telah dilaksanakan iaitu:

- Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Sosio Budaya di Jelebu, Negeri Sembilan;
- Pengurusan Kompleks Bersepadu KKMM, Sabah;
- Pengurusan Kontrak Konsesi Menara Kuala Lumpur; dan
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek MyCC4dWorld - Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

## Penampilan Audit ICT

Penampilan Audit ICT adalah satu pendekatan untuk mewujudkan kesedaran terhadap pematuhan tahap akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi dalam pelaksanaan ICT. UAD telah melaksanakan Penampilan Audit ICT di lima (5) PTJ iaitu:

- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- BERNAMA;
- IPPTAR;
- MyNIC; dan
- Sistem Pengurusan Kontrak Bersepadu, KKMM (EKS).

## Pengauditan Khas/Siasatan

Penglibatan UAD dalam Pengauditan Khas/Siasatan adalah sebagai Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Setiausaha KPKK. Bagi tahun 2012, UAD terlibat dalam dua (2) Pengauditan Khas/Siasatan iaitu:

- Siasatan Dalaman KKMM bagi Memperakukan Bayaran Sewajarnya diterima UMMB Tahun 2013
- Siasatan Kehilangan Stok – Bateri Kenderaan (Lori) Di Stor Jabatan Penerangan Malaysia, Angkasapuri Kuala Lumpur.

## Perakaunan Akruan

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2013, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan perakaunan asas akruan mulai tahun 2015. Perakaunan akruan mengiktiraf dan merekodkan urusan niaga pada masa urus niaga berlaku. Di samping itu, semua aset dan liabiliti juga diperakaunkan di bawah perakaunan akruan.

Unit Audit Dalam diperlukan untuk memantau kawalan dalaman pengumpulan dan pengemaskinian data dengan membuat pengesahan bagi awal aset dan liabiliti tahun 2015 Kementerian seperti berikut:

- Pengesahan baki awal Aset Tak Alih – Tanah dan Bangunan yang perlu dilaksanakan sebanyak 4

kali setahun selewat-lewatnya pada 14 Mac, 23 Jun, 23 September dan 24 Disember 2014.

- Pengesahan baki awal Aset Alih yang perlu dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun selewat-lewatnya pada 14 Mac, 23 Jun, 23 September dan 24 Disember 2014.
- Pengesahan baki awal Akaun Belum Terima yang perlu dilaksanakan sekali selewat-lewatnya pada 14 Mac 2014; dan
- Pengesahan baki awal Akaun Bayar Terima yang perlu dilaksanakan sekali selewat-lewatnya pada 14 Mac 2014.

### Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit (JKA) KKMM diwujudkan selaras dengan arahan Perbendaharaan Malaysia melalui surat Bil. BPKS (8.15)4/5-4JD.3(28) bertarikh 5 Mei 2009. JKA bertanggungjawab menilai dan menimbang isu-isu yang dibentangkan dalam Laporan UAD. JKA hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun iaitu satu mesyuarat bagi setiap suku tahun dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Manakala UAD berperanan sebagai urus setia kepada mesyuarat. Mesyuarat JKA merupakan salah satu pendekatan amalan terbaik yang meningkatkan tahap pengurusan kewangan di sektor awam. Dalam tahun 2014, mesyuarat JKA telah membincangkan isu-isu seperti berikut:

- Membentangkan Rancangan Audit Tahunan UAD merangkumi pemilihan tajuk dan skop pengauditan seperti pengurusan kewangan dan kajian/prestasi untuk diluluskan oleh Ketua Setiausaha KKMM;
- Melaporkan penemuan audit dan ketidakpatuhan yang berlaku hasil pengauditan yang dijalankan;
- Memastikan bahawa semua penemuan audit yang dilaporkan telah diambil tindakan oleh PTJ yang diaudit; dan
- Membincangkan syor audit terhadap pengauditan yang telah dilaksanakan.

Laporan-laporan pengauditan yang dibentangkan dalam Mesyuarat JKA KKMM adalah seperti berikut:

#### JADUAL 1 : LAPORAN YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT

BIL.	TARIKH MESYUARAT	LAPORAN YANG DIBENTANGKAN
1/2014	27/04/2014	Pengauditan Susulan Pengurusan Kewangan KKMM Tahun 2013
	27/06/2014	Pengesahan Baki Awal Aset Tak Alih (Bangunan) Bagi Perakaunan Akruan Tahun 2015 di RTM Melaka – Bahagian Akaun KKMM
2/2014		Pengauditan Jabatan Audit Negara Tahun 2014: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Audit Terhadap Projek BGGP</li> <li>• Kajian Audit Terhadap Perkhidmatan Rangkaian Operasi dan Penyenggaraan Pemancar RTM</li> </ul>
	30/09/2014	Pengurusan Program KL Converge Pengauditan Pengurusan Kewangan BERNAMA
3/2014		Pengauditan Terhadap Pembinaan Kompleks Bersepadu Pengembangan Sosio - Budaya, Jelebu, Negeri Sembilan Pengauditan Pengurusan Kewangan Bahagian Program TV Ibu Pejabat Jabatan Penyiaran Malaysia
4/2014	16/12/2014	Pengauditan Terhadap Pengurusan Kontrak Konsesi Menara Kuala Lumpur Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek MyCC4dWorld – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)



# PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU) berfungsi untuk memberi nasihat perundangan yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

## Semakan Draft Perjanjian/ MOU/ Dokumen Perundangan

Sebanyak 115 semakan draf Perjanjian, Mou dan dokumen perundangan telah disemak.

## Penggubalan, Pindaan Akta dan Perundangan Substantif

Pejabat PUU telah menggubal dan membuat pindaan Akta dan Perundangan Substantif seperti berikut:

- Penggubalan Rang Undang-Undang (1);
- Pindaan Akta (1); dan
- Pindaan/penggubalan Perundangan Substantif (10),

Walau bagaimanapun, penggubalan dan pindaan di atas masih belum diwartakan.

## Pandangan Undang-Undang

Sebanyak 11 pandangan undang-undang secara bertulis telah dikeluarkan.

## Kes Mahkamah

Sebanyak 4 kes mahkamah telah diberi ulasan berkenaan pernyataan tuntutan serta dokumen sokongan dikemukakan.

Rajah dibawah menunjukkan peratusan pencapaian tugas Pejabat PUU pada tahun 2014.



RINGKASAN PENCAPAIAN PEJABAT PUU ADALAH SEPERTI RAJAH DI BAWAH.



- Semakan Draft Perjanjian/ MOU / Dokumen Perundangan
- Penggubalan, Pindaan Akta dan Perundangan Substantif
- Pandangan Undang-Undang
- Kes Mahkamah

# BAHAGIAN ANTARABANGSA



Bahagian Antarabangsa berfungsi untuk menyelaraskan pengurusan perhubungan hal ehwal antarabangsa Kementerian. Bahagian ini berperanan mengurus penyertaan Malaysia dalam mesyuarat atau persidangan dan aktiviti antarabangsa. Bahagian ini juga menganjurkan mesyuarat hubungan dua-hala, seminar atau bengkel antarabangsa bagi sesi pertemuan serta percambahan minda.

## Hubungan Antarabangsa

### Persidangan Menteri-Menteri Penerangan ASEAN ke-12 (AMRI) dan Persidangan ke-3 Menteri-Menteri Penerangan ASEAN Campur Tiga (AMRI Plus Three)

Persidangan ini telah diadakan di Nay Pyi Taw, Myanmar dari 9 hingga 13 Jun 2014. Malaysia selaku Outgoing Chair telah menyerahkan kepengerusian AMRI kepada Myanmar sebagai Pengerusi AMRI yang baru semasa Mesyuarat AMRI ke-12 ini. Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam persidangan ini adalah berkenaan status terkini, hala tuju serta fokus kerjasama dalam bidang penerangan dan media bagi dua tahun akan datang. Selain itu, persidangan ini juga telah berbincang mengenai Portal ASEAN Virtual Learning Resource Centre (AVLRC), ASEAN Digital Broadcasting (ADB), Kumpulan Kerja dan Terma Rujukan di bawah Pegawai-pegawai Kanan Penerangan ASEAN serta Status Pelan Komunikasi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dan Pelan Komunikasi Kebangsaan.



YB Dato' Jailani bin Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia sedang menyampaikan ucapan beliau.



Gambar berkumpulan delegasi AMRI ke-12

### Third Workshop for the Integrated ASEAN Quiz

Bengkel tersebut telah diadakan dari 17 - 20 Mac 2014 di Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 23 peserta dari semua negara anggota ASEAN kecuali Cambodia. Bengkel tersebut bertujuan untuk memperkenalkan dan menguji sistem baru kuiz ASEAN iaitu Live Quiz yang mula digunapakai di Pertandingan Kuiz ASEAN peringkat serantau di Viet Nam. Bengkel tersebut telah menambah baik kelemahan-kelemahan sistem Live Quiz yang dikenalpasti dari ujian sistem kuiz dijalankan. Software Live Quiz tersebut telah diserahkan kepada Viet Nam selaku pihak penganjur pertandingan Kuiz ASEAN.



Perisian yang digunakan dalam Bengkel tersebut.

### Hari UNESCO Malaysia

Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 18 hingga 19 Oktober 2014 dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang bertemakan 'Warisan Kita, Warisan Dunia'. KKMM telah mengadakan pameran dengan kerjasama Pos Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), South-south Information Gateway (SSIG) dan Pusat International Telecommunication Union Universiti Utara Malaysia (ITU-UUM).

### Mesyuarat TELSOM Joint Working Group (JWG) and Working Groups (WG) Meetings

Mesyuarat pegawai-pegawai kanan Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN (TELSOM) telah diadakan pada 15 hingga 17 Januari 2014 di Hotel G-Tower, Kuala Lumpur. Malaysia menganjurkan mesyuarat ini berdasarkan pusingan giliran di antara negara-negara ASEAN. Mesyuarat ini berperanan penting sebagai wadah penyelarasan bagi menghadapi Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN (TELMIN) dalam agenda pembangunan ICT.



Mesyuarat Joint Working Group (JWG), Working Groups (WGs), Dialogue Partners (DPs) & International Telecommunications Union (ITU) pada 15 hingga 17 Januari 2015 di Hotel G-Tower, Kuala Lumpur

### Mesyuarat Special TELSOM (Telecommunications Senior Officials)

Pegawai-pegawai Bahagian Antarabangsa telah menghadiri mesyuarat berjadual TELSOM dan ATRC yang berlangsung secara berturut-turut mulai 27 hingga 31 Mei 2014 di Phnom Penh, Cambodia. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan status pelaksanaan projek-projek di bawah tanggungjawab TELSOM dan ATRC bagi tahun 2014 dan menjalankan sesi percambahan fikiran (brainstorming) kedua bagi penyediaan pelan strategik baru ASEAN 2016 – 2020. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari kesepuluh negara ASEAN.

### Sesi Pemukiman Pegawai-Pegawai Kanan Telekomunikasi ASEAN (ASEAN TELSOM) dan Majlis Pengatur Telekomunikasi ASEAN (ATRC) di Kuala Lumpur

Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah diberi penghormatan menganjurkan Sesi Pemukiman Ketua TELSOM-ATRC dari 15 hingga 16 September 2014 di Kuala Lumpur. Sesi pemukiman ini telah dihadiri oleh wakil daripada semua Negara Anggota ASEAN.

Sebelum mesyuarat ini, satu sesi penilaian peringkat akhir ASEAN ICT Awards tahun 2014 telah diadakan pada 14 September 2014. Dalam mesyuarat ini, seramai lebih kurang 80 orang peserta termasuk para panel hakim yang terdiri daripada Ketua TELSOM dan ATRC mengambil bahagian.

### Mesyuarat WG APEC-TEL di China dan Australia

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan halatuju dan penambahbaikan dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat bagi negara-negara ahli dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

### Mesyuarat Pelan Strategik dan Pegawai-pegawai Kanan BIMP-EAGA

Mesyuarat Pelan Strategik BIMP-EAGA bagi Kluster Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT Infrastructure Cluster) telah diadakan di Davao, Filipina pada 11 hingga 12 Februari 2014. Mesyuarat ini bertujuan untuk menetapkan pelan strategik bagi tahun 2014 dan 2015 bagi Kluster-kluster di bawah kerjasama Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Phillipines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

**Jadual XXXX: Senarai Aktiviti Antarabangsa Bagi Tahun 2014**

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
	<b>2<sup>nd</sup> Workshop for the Integrated ASEAN Quiz</b>	<b>9 - 10 Jan</b>	<b>Bangkok, Thailand</b>
1	TELSOM JWG, WGs, +DPs & ITU	15-17 Jan	Malaysia
2	BIMP-EAGA -- ICT Strategic Planning Meeting + SOM Meeting	11-12 Feb	Filipina
3	1 <sup>st</sup> ASEAN TELSOM-ATRC Leaders Retreat	25-26 Mac	Singapore
4	Mesyuarat WG APECTEL ke-49	21-26 April	Yangzhou, China
5	Special TELSOM	27-31 Mei	Cambodia
6	2 <sup>nd</sup> BIMP-EAGA ICT Cluster Meeting	10-12 Jun	Makassar, Sulawesi, Indonesia
7	imbX Ministerial Forum on ICT & CommunicAsia	15-17 Jun	Singapore
8	Pelancaran Measat-3B	6-15 Sept	Kourou, French Guiana
9	2 <sup>nd</sup> ASEAN TELSOM-ATRC Leaders Retreat	14-16 Sept	Malaysia
10	KL Converge!	17-19 Sept	Malaysia
11	Mesyuarat WG APECTEL ke-50	27 Sept – 4 Okt	Australia
12	BIMP-EAGA MoU and iROP Workshops	11-13 Nov	Brunei
13	23 <sup>rd</sup> Senior Officials Meeting & 18 <sup>th</sup> Ministerial Meeting on BIMP-EAGA	17-20 Nov	Brunei

**JADUAL XXXX: SENARAI AKTIVITI ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2014**

2.	Closing and Awarding Ceremony of The Photos – Reportage -Documentary Film Festival on Environment Protection and Climate Change in ASEAN Community	19 - 21 Feb	Hanoi, Viet Nam
3.	Mesyuarat Multi-Stakeholder Preparatory Meeting of ASEAN Virtual Learning Resource Centre (AVLRC)	10 - 11 Mac	Jakarta, Indonesia
4.	3 <sup>rd</sup> Workshop for the Integrated ASEAN Quiz	17 - 20 Mac	Kuala Lumpur, Malaysia
5.	Mesyuarat Agung SKUM Bil. 1/2014	21 April	Putrajaya, Malaysia
6.	SOC-COM Meeting ASEAN Socio Culture Community Coordinating Conference (SOC-COM)	26 - 28 April	Jakarta
7.	15 <sup>th</sup> ASEAN Sub-committee on Information (SCI) Meeting	20 - 22 Mei	Phnom Penh, Cambodia
8.	12 <sup>th</sup> Senior Officials Meeting Responsible for Information (SOMRI) and 12 <sup>th</sup> ASEAN Ministers Responsible for Information (AMRI) Meeting	9 - 13 Jun	Nay Pyi Taw, Myanmar

9.	ASEAN Media People's Visit To Korea	24 - 30 Ogos	Korea Selatan
10.	Working Group Meeting on Content and Production	1 - 2 Okt	Kuala Lumpur, Malaysia
11.	Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014	18 - 19 Okt	Kuala Lumpur, Malaysia
12.	Technical Workshop for the Formulation of Comprehensive National Communication Plans Focused on the ASCC	26 - 28 Ogos	Filipina
13.	Mesyuarat Agung SKUM Bil. 2/2014	4 Nov	Parlimen, Kuala Lumpur, Malaysia
14.	49 <sup>th</sup> Meeting of ASEAN Committee on Culture and Information (ASEAN-COCI)	24 - 27 Nov	Siem Reap, Cambodia
15.	10 <sup>th</sup> Islamic Conference for Information Ministers (ICIM)	1 - 4 Dis	Iran

## Kerjasama Dua Hala

### Konsert Muzika Ekstravaganza ke 8 Malaysia dan Singapura

Muzika Ekstravaganza adalah sebuah konsert yang diterbitkan secara usahasama di antara Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan MediaCorp Singapura. Konsert ini dilaksanakan setiap tahun secara bergilir-gilir dan pada tahun ini, ia diadakan di studio Angkasapuri, RTM. Konsert ini dijayakan oleh artis-artis dari Malaysia dan Singapura sebagai satu usaha untuk mengeratkan kerjasama dua hala dalam bidang penerangan dan penyiaran di antara Malaysia dan Singapura.



Konsert Muzika Ekstravaganza Malaysia & Singapura Ke - 8

### Lawatan Kerja Menteri Penerangan Oman ke KKMM

KKMM telah menerima lawatan kerja daripada TYT Dr. Abdulmunim bin Mansour bin Said Al-Hasani, Menteri Penerangan, Oman pada 17 dan 18 April 2014. Lawatan ini telah membuka peluang kerjasama dua hala yang lebih baik di antara Malaysia dan Oman dalam bidang penyiaran dan penerangan.



Lawatan Kerja Menteri Penerangan Oman Ke Malaysia

### Lawatan Kerja Delegasi Uzbekistan dan World Bank ke KKMM

KKMM telah menerima lawatan kerja daripada pegawai-pegawai kanan dari Uzbekistan. Lawatan ini ditaja oleh World Bank, Washington DC sebagai salah satu usaha untuk membangunkan sektor dasar dan pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Uzbekistan. Malaysia telah dipilih oleh Bank Dunia untuk dijadikan sebagai contoh dan penanda aras bagi Uzbekistan untuk membangunkan sektor ICT di negara itu.

## Pelancaran Satelit Measat-3b

Pelancaran Satelit Measat-3b telah diadakan pada 11 September 2014 jam 7.05 petang waktu French Guiana bersamaan dengan 12 September 2014 jam 6.05 pagi waktu Malaysia dari Pangkalan Angkasa Lepas Eropah (European Spaceport) Kourou, French Guiana melalui kapal angkasa Ariane 5. Delegasi Malaysia dihadiri oleh Timbalan Menteri KKMM serta Duta Besar Malaysia ke Perancis, pegawai-pegawai kanan daripada KKMM, pegawai-pegawai

kanan daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), dan pegawai kanan daripada syarikat MEASAT serta rakan niaga MEASAT. Pelancaran Measat-3b ini akan membolehkan syarikat-syarikat penyiaran yang terbabit menambah baik perkhidmatan penyiaran mereka kepada pelanggan terutamanya bagi perkhidmatan DTH.



Majlis Pelancaran Satelit Measat 3-b

## South-south Information Gateway (SSIG)

SSIG ditubuhkan bertujuan bagi mempromosi kepentingan Negara-negara Selatan. Penubuhan ini bukan sahaja dapat mengeratkan kerjasama antara Negara-negara Selatan, malahan juga dapat memupuk usaha komunikasi baru yang memberi ruang kepada aliran maklumat yang lebih bebas dan seimbang selaras dengan kepesatan globalisasi dan merupakan faktor penting untuk menjadi negara yang berdaya saing.

### Executive Talk: South-South In Relation To Media Democracy and Freedom of Expression

South-South Information Gateway (SSIG), telah menganjurkan Executive Talk: South-South In Relation To Media Democracy and Freedom of Expression pada 29 Mei 2014 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Objektif utama penganjuran Executive Talk ini adalah untuk memberi pemahaman tentang kerjasama antara Negara-negara Selatan dan pengamalan konsep demokrasi dalam kebebasan bersuara melalui media agar had kebebasan bersuara tidak melanggar, menjejaskan kepentingan keselamatan serta mengganggu ketenteraman awam yang boleh mengucar-kacirkan sesebuah Negara.



YBhg. Dato' Mohid Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Executive Talk 2014

### Forum WDID – Safety of Journalists: Between

#### Responsibilities & Challenges

SSIG telah menganjurkan Forum World Development Information Day (WDID) bertemakan “Safety of Journalists: Bertween Responsibilities & Challenges” pada 27 November 2014 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Objektif forum ini adalah sebagai memberi persediaan kepada bakal wartawan, wartawan sedia ada dan pengamal media mempelajari ilmu, mematuhi garis panduan bertugas, etika semasa bertugas di negara-negara khususnya yang terlibat dengan konflik.



Barisan Pegawai Kanan KKMM, Penceramah dan YBhg. Dato' Mohid Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Forum WDID – Safety of Journalists: Between Responsibilities & Challenges 2014.

### Seminar Media Capacity Building To Cover Climate Change

SSIG dengan kerjasama Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPPTAR) dan disokong oleh Asia Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD) telah menganjurkan Seminar Media Capacity Building To Cover Climate Change pada 29 hingga 30 Mei 2014 bertempat di IPPTAR. Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk mendedahkan serta menimbulkan kesedaran dikalangan wartawan khususnya dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai sekiranya berlaku sebarang bentuk bencana alam.



YBhg. Dato' Adilah Shek Omar, Ketua Pengarah IPPTAR bersama barisan penceramah, Pegawai KKMM, wakil dari AIBD dan para peserta di Seminar Media Capacity Building To Cover Climate Change



Berikut adalah antara program yang dilaksanakan oleh SSIG bagi tahun 2014:-

#### Jadual C: Pelaksanaan Program SSIG bagi Tahun 2014

BIL	TARIKH	AKTIVITI / PROGRAM	TEMPAT
1.	17 April 2014	SSIG With Students: Information For All	Universiti Putra Malaysia
2.	29 Mei 2014	Executive Talk: South-South In Relation To Media Democracy And Freedom Of Expression	Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya
3.	17 - 18 Nov 2014	Seminar On Building Media Capacity To Cover Climate Change	IPPTAR
4.	27 Nov 2014	Forum Safety of Journalists: Between Responsibilities & Challenges	Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya



Program Voices from the South dengan Duta Mexico dan Duta Chile

Pada tahun 2014, SSIG telah menyertai dan mengadakan pameran seperti berikut:

#### JADUAL D: PAMERAN SSIG TAHUN 2014

BIL	TARIKH	AKTIVITI / PROGRAM	TEMPAT
1.	18 - 19 Okt 2014	Pameran Sempena Hari UNESCO Malaysia: Warisan Kita Warisan Dunia 2014	Dataran Merdeka & Bangunan Sultan Abdul Samad

# BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK



Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik terbahagi kepada empat (4) cawangan utama iaitu Cawangan Dasar Penyiaran dan Perfileman, Cawangan Dasar Penerangan dan Keurusetiaan, Cawangan Penyelidikan dan Cawangan Dasar Industri Kreatif serta dibantu oleh Unit Pentadbiran.

## Urusan Parlimen dan Urusan Jemaah Menteri

KKMM pada tahun 2014 telah menyelaras sebanyak 113 urusan berkenaan dengan Jemaah Menteri dengan penyediaan 35 Memorandum Jemaah Menteri, 39 Nota Jemaah Menteri dan 39 Ulasan Memorandum Jemaah Menteri daripada Kementerian lain.

KKMM turut menyelaras urusan Parlimen yang melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada setiap persidangan yang diadakan sepanjang tahun 2014 dengan menyedia dan menyelaraskan 263 pertanyaan bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

## Pelan Transformasi KKMM

Pembangunan Pelan Transformasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah bermula pada Mac 2014 disusuli dengan Bengkel Pelan Transformasi KKMM yang telah diadakan pada 11 hingga 13 April 2014 yang disertai oleh YB Menteri dan Pengurusan Tertinggi KKMM. Penyelarasan semula Pelan Transformasi KKMM telah diadakan menerusi Lab Transformasi Perkhidmatan Awam (LTPA) bersama Pasukan Konsultan INTAN pada 3 hingga 6 Jun 2015. Secara keseluruhannya, pada tahun 2014 sebanyak 4 kali mesyuarat telah diadakan dan disusuli dengan 4 pelaksanaan bengkel bagi membangunkan Pelan Transformasi KKMM.

## Kajian dan Penyelidikan

Pada tahun 2014, KKMM telah melaksanakan kajian-kajian lapangan seperti berikut:

1. Kajian Pemahaman Dasar-dasar Kerajaan Sesi 1 2014
2. Kajian Pemahaman Masyarakat Terhadap GST 2014

3. Kajian Kepuasan Pekerja KKMM 2014
4. Kajian Kepuasan Pelanggan KKMM 2014
5. Kajian Pengetahuan Awam Terhadap Data Perlindungan Peribadi 2014
6. Kajian Kepuasan Rakyat Terhadap Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 2014.
7. Kajian Keberkesanan Program Gerak Saraf (Pewaris Muda) Jabatan Penerangan Malaysia 2014
8. Kajian Kepuasan Penonton Filem Cereka Tempatan Dalam Kalangan Masyarakat 2014
9. Kajian Pemahaman Dasar-Dasar Kerajaan 2014-Sesi 2.

## Industri Kreatif

Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 November 2010 dan dilancarkan pada 21 Oktober 2011. DIKN merupakan satu dasar yang signifikan dalam kita merangsang pertumbuhan ekonomi kreatif dalam negara kita.

Pelaksanaan DIKN melibatkan satu Pelan Tindakan yang menyeluruh yang diterajui oleh KKMM dan dilaksanakan secara bersepadu oleh beberapa Kementerian, agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

KKMM telah mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Industri Kreatif RMK-11 sebanyak 2 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Geran Pemandangan MTV sebanyak 4 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Geran Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Sokongan sebanyak 4 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Kandungan Kreatif Filem dan TV (Scrip Bank) sebanyak 4 kali, Mesyuarat Penyertaan di Pasaran Antarabangsa Marche International du Disque et de l'Edition Musicale (MIDEM) tahun 2014 sebanyak 2 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Penerbitan Album Tradisional Kontemporari sebanyak 2 kali dan Mesyuarat penyediaan Dasar Industri Muzik sebanyak 2 kali.

KKMM juga telah mengemukakan laporan projek pemangkin jangka pendek DIKN kepada Pemandu, Jabatan Perdana Menteri sebanyak 11 kali.



# BAHAGIAN PENGURUSAN DAN ANALISIS MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan dan Analisis Maklumat (BPAM) bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat-maklumat mengenai isu-isu penting negara dengan lengkap, menyeluruh dan terkini secara berterusan.

## Laporan Isu

Bahagian ini berjaya menganjurkan 13 Program Jelajah Isu yang dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara. Manakala sebanyak 211 laporan khas telah disediakan merangkumi Laporan Pengurusan Bencana dan Krisis melibatkan MH17, MH370, Krisis Air, Bencana Banjir, ESSCOM, Suruhanjaya Pendatang Asing di Sabah dan Tanah Runtuh Cameron Highland.

## Program Hubungan Media

Sebanyak enam (6) program Jelajah Dialog Media yang dilaksanakan mengikut zon sepanjang tahun 2014. Manakala dua (2) program telah dilaksanakan bersama Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan dua (2) program bersama pemimpin pendapat.



Program-program Hubungan Media Sepanjang tahun 2014

## Program Hubungan Komuniti

KKMM berusaha mendekati rakyat terutamanya Generasi Y dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Sepanjang tahun 2014, bahagian ini menganjurkan 12 program iaitu tujuh (7) program bersama pemimpin pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam serta wasta dan lima (5) program bersama NGO. Berikut adalah antara program yang dilaksanakan :

- Forum Isu Semasa Bersama Pemimpin Pelajar IPTA / IPTS di Sabah dan Pulau Pinang
- Forum Isu Semasa Bersama NGO di Pulau Pinang
- Program Diskusi Intelek Bersama NGO di Sabah, Kedah, Kelantan dan Johor
- Program Diskusi Intelek Bersama Pemimpin Pelajar IPTA / IPTS di Pahang, Labuan, Terengganu dan Johor.
- Program Khemah Kerja bersama Pemimpin Pelajar IPT Negeri Pulau Pinang.



fasilitator Kementerian Dalam Negeri



Antara program yang dilaksanakan oleh Cawangan Perhubungan Komuniti

## Call Centre dan Panel Rakyat

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 12 kajian pendapat awam dilaksanakan dan berjaya mengumpul 74,120 data responden iaitu pertambahan sebanyak 5.0% daripada tahun 2013. Manakala Unit Panel Rakyat pula berjaya menjalankan 4 kajian pendapat awam mengenai rancangan terbitan RTM.

## Media Siber

Pada 2014, Cawangan Media Siber telah ditubuhkan di BPAM. Cawangan tersebut berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan seperti berikut :

- Laporan landskap media siber (45)
- Laporan Pemantauan blog/portal mingguan (49)
- Laporan Penangkisan (rebuttal) di web/blog (35)
- Laporan landskap media siber (45)
- Mewujudkan satu portal (3,311,579 pengunjung)
- Mewujudkan 10 Fan Page (37,069 Likes)
- Kempen tweet berdasarkan isu dan peristiwa (9,789 tweet)
- Mewujudkan 2 saluran Youtube bagi menguruskan isu-isu strategik (162,563 pengunjung)
- Menghasilkan 280 bahan grafik
- Menghasilkan 51 video youtube

## Pengesan Siaran

Cawangan ini bertanggungjawab memantau sesen radio / tv dalam dan luar negara bagi mengenalpasti isu-isu. Sepanjang tahun 2014 pencapaian cawangan Pengesan Siaran adalah seperti berikut :

### A) Radio

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Transkrip harian radio antarabangsa/web radio	11,095
2	Terjemahan bahasa Thai / Arab	1,306
3	Laporan Analisis Mingguan mengenai Malaysia	142
JUMLAH		12,543

### B) Tv

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Transkrip harian TV antarabangsa / web tv	5,735
2	Transkrip harian tempatan	4,573
3	Transkrip harian TV Satelit	1,336
JUMLAH		11,644

Antara siaran yang dipantau oleh Cawangan Pengesan Siaran



# BAHAGIAN PENYELARASAN MEDIA



Bahagian Penyelarasan Media (BPMd) adalah mengurus aktiviti publisiti dan promosi bagi majlis-majlis rasmi/ acara/kempen Kerajaan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

## Promosi dan Publisiti

BPMd memberi khidmat nasihat promosi dan publisiti telah menyediakan 26 pelan komunikasi yang meliputi 23 kempen, 15 acara rasmi kerajaan dan 41 acara rasmi di peringkat nasional anjuran kementerian dan agensi kerajaan.

**Jadual : Senarai Aktiviti Promosi dan Publisiti bagi Kempen-kempen Kerajaan bagi tahun 2014.**

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
1.	Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	4 Januari 2014
2.	Kempen Kesedaran Awam Mengenai Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC)	Kementerian Kewangan Malaysia	15 Januari 2014
3.	Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Sempena Parayaan Tahun Baru Cina	Kementerian Pengangkutan Malaysia	21 Januari 2014
4.	Kempen Kesedaran Wabak Denggi	Kementerian Kesihatan Malaysia	22 Januari 2014
5.	Kempen Penjelasan Kenaikan Harga Barang dan Perkhidmatan	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	23 Januari 2014
6.	Kempen Anti Dadah (Penerbitan Kapsul Anti Dadah)	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	23 Januari 2014
7.	Kempen Kesedaran Anti Pmerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran / Anti-Trafficking In Persons And Anti-Smuggling Of Migrants Act (ATIPSOM)	Kementerian Dalam Negeri	24 Januari 2014
8.	Kempen Kesedaran Penguatkuasaan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-kanak	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	10 Februari 2014
9.	Kempen Pengguna Bijak – Program Pemerksaan Pendidikan dan Kesedaran Pengguna	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	11 Februari 2014
10.	Kempen Kesedaran Dasar Kanak-Kanak Negara - Majlis Penasihat Dan Perundingan Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat	13 Februari 2014

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
11.	Kempen Menjaga Alam Sekitar – Menghentikan Aktiviti Pembakaran Terbuka Sepanjang Musim Kemarau	Jabatan Bomba dan Penyelamat	3 Mac 2014
12.	Kempen Menghargai Warga Emas Negara	Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	12 Mac 2014
13.	Kempen Kesedaran Awam Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI)	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	26 Mac 2014
14.	Kempen Nak Sihat - Penyediaan Kit Mesej Sihat Tanpa Alkohol Untuk Golongan Belia	Kementerian Kesihatan Malaysia	9 April 2014
15.	Kempen Kesedaran Penjimatan Air Kebangsaan	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	22 April 2014
16.	Kempen Kesedaran Perlindungan Kanak-Kanak	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	7 Mei 2014
17.	Kempen Kesedaran dan Program Latihan Mengenai Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)	Kementerian Kewangan Malaysia	14 Mei 2014
18.	Kempen Derma Darah	Kementerian Kesihatan Malaysia	6 Jun 2014
19.	Kempen Anti Merokok - Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah di Lebuhraya Sebagai Kawasan Larangan Merokok	Kementerian Kesihatan Malaysia	25 Julai 2014
20.	Kempen Bulan Kemerdekaan	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	18 Ogos 2014
21.	Kempen Fit Malaysia	Kementerian Belia dan Sukan	7 September 2014
22.	Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Sempena Hari Raya Aidilfitri 2014	Kementerian Pengangkutan Malaysia	8 Oktober 2014
23.	Asean Mental Health Campaign 2014	Kementerian Kesihatan Malaysia	12 Oktober 2014

**Jadual : Senarai Aktiviti Promosi dan Publisiti bagi Majlis / Acara / Program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
1.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M	Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	14 Januari 2014
2.	Sambutan Hari Ulang Tahun APMM Ke-9	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	15 Februari 2014
3.	Seminar Antarabangsa Autisme 2014 (ISAM 2014)	Jabatan Perdana Menteri	22 April 2014
4.	Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali ke-57 Bagi Tahun 1435H/2014M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	13 - 17 Mei 2014
5.	Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	5 Jun 2014
6.	Solat Jumaat dan Khutbah Khas Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	6 Jun 2014
7.	Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Persekutuan Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri	7 Jun 2014
8.	Majlis Jamuan Teh DiRaja Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri	8 Jun 2014
9.	Majlis Santapan Mesra SPB Raja Permaisuri Agong Bersama Anak-Anak Yatim Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri	10 Jun 2014
10.	Forum Perdana Sempena Hari Keputeraan Rasmi SPB YDP Agong XIV Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	12 Jun 2014
11.	Istiadat Perbarisan Mengarak Panji-panji Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sempena Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri	13 Jun 2014
12.	Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-56 Tahun 1435H/2014M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	16 - 21 Jun 2014

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
13.	Istiadat Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2014	Kementerian Pertahanan Malaysia	17 Julai 2014
14.	Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Ke-57 Tahun 2014	Jabatan Perdana Menteri	18 Ogos 2014
15.	Sambutan Hari Malaysia Ke-51	Jabatan Perdana Menteri	16 September 2014
16.	Persidangan Dwi Tahunan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) 2014	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), JPM	19 - 21 Oktober 2014
17.	Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2014M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	25 Oktober 2014

**Jadual : Senarai Aktiviti Promosi dan Publisiti bagi Majlis / Acara / Program-program yang dianjurkan oleh Kementerian / Agensi Kerajaan**

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
1.	Pelancaran Gilang Gemilang Tahun Melawat Malaysia 2014	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	4 Januari 2014
2.	Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Kebangsaan 2014	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3 Mac 2014
3.	Pertandingan Mereka Cipta Lagu Merdeka	Jabatan Penyiaran Malaysia	10 Mac - 30 April 2014
4.	Pertandingan Kuiz Asean 2014	Jabatan Penerangan Malaysia	11 Mac 2014
5.	Pertandingan Mereka Cipta Logo Kemerdekaan Ke-57	IPPTAR	14 April - 14 Mei 2014
6.	Sambutan Hari Pekerja 2015	Kementerian Sumber Manusia	1 Mei 2014
7.	Hari Kesedaran Skizofrenia 2014	Kementerian Kesihatan Malaysia	4 Mei 2014
8.	Majlis Prapelancaran Reka Bentuk Ruang Pameran Malaysia di Ekspo Milano, Itali 1 Mei sehingga Oktober 2015	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	15 Mei 2014
9.	Magic Of The Night (MOTN) 2014	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	14 - 18 Jun 2014
10.	Floria Putrajaya 2014 – Putrajaya Flower & Garden Festival	Perbadanan Putrajaya	14 - 22 Jun 2014
11.	Providing Economic Empowerment Through The 1AZAM Programme	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	17 Jun 2014

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
12.	Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014	Jabatan Penerangan Malaysia	20 - 22 Jun 2014
13.	Kejohanan Strongman Champions League Grand Final KL 2014	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	2 Ogos 2014
14.	Doa Untuk Malaysia	Jabatan Hal Ehwal Khas	15 Ogos 2014
15.	Pertandingan Instagram Merdeka #IM57	Jabatan Hal Ehwal Khas	15 Ogos - 1 September 2014
16.	Kempen Kibar Jalur Gemilang Tahun 2014	Jabatan Penerangan Malaysia	18 Ogos 2014
17.	Persediaan Penganjuran Mesyuarat Khas ASEAN Socio-Cultural Community Council (ASCC) – Senior Official's Committee for ASCC (SOCA) 9 Februari 2015	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	20 Ogos 2014
18.	Kem Kepimpinan Nusantara 2014	Jabatan Hal Ehwal Khas	23 - 27 Ogos 2014
19.	Konsert Chow Kit Road 2.0	Jabatan Penyiaran Malaysia	29 - 31 Ogos 2014
20.	Program Amanat Merdeka	BERNAMA	30 Ogos 2014
21.	Fiesta Blog Shop	MYNIC	30 - 31 Ogos 2014
22.	7th World Summit On Media For Children	Jabatan Penyiaran Malaysia	8 - 10 September 2014
23.	Pertandingan Akhir Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014	Jabatan Penerangan Malaysia	14 September 2014
24.	KL Converge!	FINAS	17 - 19 September 2014
25.	Karnival 1Pesara 2014	Jabatan Perkhidmatan Awam	23 - 24 September 2014
26.	Upacara Istiadat Penghormatan Penerimaan Jenazah Pesawat MH17 dan Hari Berkabung Negara	Kementerian Pertahanan Malaysia	22 Ogos 2014
27.	Majlis Perasmian Kuala Lumpur International Tattoo 2014	Kementerian Pertahanan Malaysia	11 Oktober 2014
28.	Hari UNESCO Malaysia 2014	Kementerian Pendidikan Malaysia	18 - 19 Oktober 2014
29.	Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival (PIIACUF)	Perbadanan Putrajaya	30 Oktober - 2 November 2014
30.	Majlis Malam Anugerah FFM26	FINAS	1 November 2014
31.	Malaysia International Performing Arts Village (MIPAV) 2014	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	22 - 26 November 2014
32.	World Youth Stamp Exhibition and Asian International Stamp Exhibition	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Pos Malaysia	1 - 6 Disember 2014

BIL.	AKTIVITI	PENGANJUR	TARIKH
33.	Tabung Kemanusiaan KKMM untuk Mangsa Banjir SMS 13999	KKMM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	24 Disember 2014

### Liputan Media Bagi Acara Lawatan Rasmi/Negara

Sepanjang tahun 2014, BPMd juga mengurus dan menyelaras liputan media untuk lawatan rasmi SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong ke luar negara dan lawatan ketua negara ke Malaysia.

#### Jadual : Senarai Lawatan Rasmi SPB Yang di-Pertuan Agong (SPB YDPA) dan SPB Raja Permaisuri Agong (SPB RPA) ke luar negara sepanjang tahun 2014

BIL	TARIKH	TAJUK LAWATAN
1.	18 – 22 Mei 2014	• Lawatan Negara SPB YDPA dan SPB RPA Ke Republik Singapura
2.	3 – 8 September 2014	• Lawatan Negara SPB YDPA dan SPB RPA Ke Republik Rakyat China

#### Jadual : Senarai Lawatan Ketua-ketua Negara ke Malaysia sepanjang tahun 2014

BIL	TARIKH	TAJUK LAWATAN
1.	9 – 10 Januari 2014	• Lawatan Rasmi TYT Recep Tayyip Erdogan, Perdana Menteri Republik Turki ke Malaysia
2.	27 – 28 Februari 2014	• Lawatan Negara TYT Benigno S. Aquino III, Presiden Republik Filipina Ke Malaysia
3.	30 Mac – 2 April 2014	• Lawatan Negara TYT Xanana Gusmao, Perdana Menteri Timor Leste Ke Malaysia
4.	6 – 7 April 2014	• Lawatan Kerja TYT Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Singapura ke Malaysia
5.	8 – 9 April 2014	• Lawatan Kerja TYT Thein Sein, Presiden Republik Kesatuan Myanmar Ke Malaysia
6.	26 – 28 April 2014	• Lawatan Negara TYT Barack Obama, Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia
7.	22 – 25 Jun 2014	• Lawatan Negara TYT Emomali Sharipovich Rahmon Presiden Republik Tajikistan ke Malaysia
8.	5 November 2014	• Lawatan Rasmi TYT Mark Rutte, Perdana Menteri Netherlands ke Malaysia
9.	1 Disember 2014	• Lawatan Rasmi TYT General Prayut Chan-O-Cha, Perdana Menteri Thailand

## Urusetia Jawatankuasa Perhubungan, Komunikasi dan Media MH370

BPMd telah dipertanggungjawabkan menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Perhubungan, Komunikasi dan Media MH370 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Jailani bin Johari, Timbalan Menteri KKMM. Antara tugas utama jawatankuasa ini adalah mengurus komunikasi antara ketiga-tiga buah negara iaitu Malaysia, Australia dan China dalam menyalurkan semua maklumat berkaitan dengan tersusun dan tepat selain menyelaras hal-hal berkaitan media. Jawatankuasa ini turut mewujudkan laman web MH370 iaitu [www.mh370.gov.my](http://www.mh370.gov.my) bagi menyalurkan maklumat terkini mengenai usaha pencarian berterusan penerbangan MH370 yang hilang.



Sidang Media tragedi MH17 di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Putrajaya pada 20 Ogos 2014



Antara pegawai BPMd yang bertugas untuk pengurusan media semasa Istiadat Penghormatan dan Ketibaan Jenazah Tragedi MH17 di Kompleks Bunga Raya, KLIA

## PILIHAN RAYA KECIL

BPMd juga dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan Pusat Media Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Kecil (PRK) dan menyelaras operasinya. Penubuhan Pusat Media adalah penting bagi memberi kemudahan kepada wartawan, jurugambar dan jurufoto untuk membuat liputan dan menghantar berita sepanjang pilihan raya berlangsung.

Disamping itu, Pusat Media PRU / PRK akan menjadi focal point bagi wartawan-wartawan mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti pemimpin negara di kawasan pilihan raya tersebut. Bagi tahun 2014, sebanyak lima Pusat Media telah ditubuhkan oleh BPMd seperti jadual di bawah.

Jadual : Senarai Pusat Media yang ditubuh dan diuruskan oleh BPMd sepanjang tahun 2014

BIL	TARIKH	PUSAT MEDIA
1.	8 – 24 Mac 2014	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil N.25 Kajang
2.	15 – 29 Mac 2014	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil N.51 Balingian
3.	10 – 25 Mei 2014	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil P.51 Bukit Gelugor
4.	16 Mei – 1 Jun 2014	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil P.76 Telok Intan
5.	10 – 26 September 2014	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil N.01 Pengkalan Kubor



**Pusat Media PRK Dun N.01 Pengkalan Kubor**



**Pusat Media PRK Dun N.01 Pengkalan Kubor**



**Pusat Media PRK Parlimen P.076 Teluk Intan**



**Pusat Media PRK Dun N.025 Kajang**

Antara pegawai yang bertugas di Pusat Media PRK yang ditubuh dan diuruskan oleh BPMD sepanjang tahun 2014

liputan dan rakam salin audio visual bagi aktiviti KKMM termasuk acara-acara rasmi yang dihadiri oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri. Pada tahun 2014, sebanyak 165 liputan dan rakam salin audio visual telah dilaksanakan meliputi aktiviti-aktiviti kementerian, kempen-kempen dan program-program rasmi kerajaan.

# BAHAGIAN INFRASTRUKTUR APLIKASI DAN TEKNOLOGI



Bahagian Infrastruktur, Aplikasi dan Teknologi berperanan melaksanakan strategi-strategi di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) dari aspek penawaran dan permintaan bagi perkhidmatan jalur lebar. Bahagian ini bertanggungjawab dalam memastikan semua lapisan masyarakat di bandar, pinggir bandar dan luar bandar akan dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar melalui dua (2) kategori jalur lebar iaitu jalur lebar untuk orang awam (Broadband for General Population - BBCP) dan jalur lebar berkelajuan tinggi (High Speed Broadband - HSBB).

## Program Peluasan Liputan Jalur Lebar


Di bawah projek HSBB yang dilaksanakan melalui kerjasama awam - swasta (PPP) dengan Telekom Malaysia (TM), bilangan premises passed yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 1,623,958 sambungan dan mencapai 122% daripada keseluruhan sasaran 1,335,544 pada tahun 2012. Untuk memperluaskan liputan infrastruktur jalur lebar di luar dan pinggir bandar sebagai pelengkap kepada infrastruktur sedia ada pada kadar mampu milik, pelaksanaan projek infrastruktur rangkaian teras Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP core network) di Semenanjung telah dilaksanakan di mana sebanyak 206 fkm telah berjaya disiapkan di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu.



Mesin pemasangan kabel melalui kaedah Horizontal Directional Drilling (HDD)




Pengujian dan verifikasi projek



Pemasangan kabel gentian optik ke dasar sungai di Asajaya, Saraw

Projek ini dilaksanakan susulan daripada projek peluasan liputan jalur lebar yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak pada tahun sebelumnya. Dengan terlaksananya projek ini, dijangkakan masyarakat akan mendapat akses kepada jalur lebar dengan lebih meluas lagi di samping tahap kesedaran masyarakat tentang manfaat jalur lebar dapat dipertingkatkan.



Konsep kaedah HDD

### Program Bagi Mewujudkan Dan Meningkatkan Permintaan Untuk Melanggan Jalur Lebar

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan menarik langganan baru jalur lebar, dua program utama telah dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama agensi Kerajaan dan swasta yang berkaitan serta penyedia perkhidmatan jalur lebar iaitu Karnival Jalur Lebar 1Malaysia dan Latihan ICT dan Jalur Lebar untuk Orang Awam. Karnival Jalur Lebar 1Malaysia 2014 telah diadakan di 2 lokasi iaitu Kota Kinabalu, Sabah dan Langkawi, Kedah dengan kehadiran pengunjung melebihi 10,000 orang di setiap lokasi.


### Projek Perintis Total Halal Solution

Projek Perintis Total Halal Solution telah dilaksanakan di bawah Projek Kajian Kesediaan dan Pembangunan Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (WSN). Projek ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama dengan pihak JAKIM dan pihak industri iaitu Mydin Berhad dan Ramly Food Processing Sdn Bhd. Projek ini bertujuan untuk meneroka teknologi sensor tanpa wayar dalam aplikasi kebolehsesanan dan pengesanan bagi mengukuhkan proses Pensijilan Halal, seterusnya memberi jaminan Integriti Halal di dalam industri Halal.

Dalam projek ini, portal dan aplikasi mudah alih menggunakan platform sistem operasi IOS dan Android bagi Sistem Pengesanan, Penjejakan dan Pengesanan Produk Halal (P4Halal) telah berjaya dibangunkan. Sistem P4Halal merupakan aplikasi yang memaparkan maklumat sijil halal sesuatu produk dengan penggunaan teknologi sensor.

Sebanyak 120,000 sensor tag telah ditampal kepada produk terpilih. Produk tersebut telah diagihkan ke 4 zon iaitu:

1. Zon Tengah (Mydin USJ)
2. Zon Timur (Mydin Kuala Trengganu)
3. Zon Utara (Mydin Meru, Ipoh)
4. Zon Selatan (Mydin Melaka)



Sesi Kajian Kesediaan Pengguna Halal yang diadakan di Mydin Ipoh

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan dari segi Pentadbiran Am, Pengurusan Aset, Hal Ehwal Keselamatan Fizikal, Dokumen, Percetakan serta Pengurusan Kenderaan Kementerian yang berkesan bagi memastikan objektif Kementerian tercapai dengan jayanya. Bahagian ini merangkumi Cawangan Pentadbiran, Unit Pengurusan Aset dan Unit Inovasi.

diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi KKMM bagi membudayakan aktiviti inovasi iaitu Inovasi Terbaik, Penulisan Kreatif dan Keceriaan Pejabat Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif Terbaik (KIK). Pertandingan Inovasi tahun 2014 telah menerima penyertaan seramai 11 penyertaan secara berkumpulan. Pertandingan ini telah diadakan pada 16 Oktober 2014 bertempat di Wisma BERNAMA, Pertubuhan Berita National Malaysia (BERNAMA).

## Unit Keselamatan

Sebanyak 1182 keping pas keselamatan terdiri daripada pas tetap dan pas sementara telah dikeluarkan untuk kakitangan, tetamu dan pelawat sepanjang tahun 2014. Bantuan logistik dari segi keselamatan juga telah diberikan untuk majlis-majlis rasmi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya. Laporan Time Management System (TMS) juga dikeluarkan oleh unit keselamatan kepada semua Bahagian dan Jabatan/Agensi di bawahnya. Unit Keselamatan juga menerima dan menyelesaikan aduan kes yang melibatkan keselamatan di kawasan Kompleks KKMM.

## Penyelenggaraan

Secara keseluruhannya, sebanyak 450 penyelenggaraan yang melibatkan kerja-kerja pembaikan kecil seperti kebocoran paip dan sinki, pembaikan pintu, siling, longkang, kerja-kerja pembersihan bangunan oleh kontraktor serta pengubahsuaian atau naiktaraf bangunan telah dilaksanakan bagi tahun 2014. Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah bagi memastikan tahap penyelenggaraan bangunan dan persekitaran terutama Kompleks KKMM sentiasa di tahap yang memuaskan.

## Unit Inovasi dan Majlis Rasmi

### Penganjuran dan Penyertaan Program / Aktiviti Inovasi

Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KKMM telah diadakan pada 13 dan 14 November 2014 di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Pelbagai aktiviti telah

**Jadual XXXX : Penyertaan dalam Pertandingan Inovasi Terbaik KKMM bagi Tahun 2014**

BIL.	JABATAN / AGENSI	KUMPULAN	TAJUK PROJEK
1.	Pusat Sumber, KKMM	BRAINSTOMER	Pendigitilan Artikel Akhbar dan Majalah
2.	Pusat Sumber, KKMM	PRO-BOOK	Book2u
3.	Pertubuhan Berita National Malaysia (BERNAMA)	ONE RFID	Sistem Sirkulasi Secara Layan Diri, Keselamatan dan Pengesanan Bahan Secara RFID
4.	Pertubuhan Berita National Malaysia (BERNAMA)	PUSAT KECEMERLANGAN BERNAMA	BERNAMA School of Journalism (BSJ)
5.	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec)	CUT THE RED TAPE	Pesanan Pembelian Digital/ Digital Purchase Order (PO)

6.	Komunikasi Visual & Senireka, Jabatan Penerangan Malaysia	CAWANGAN PUSAT SUMBER & FOTOGRAFI	Sistem My1foto
7.	Jabatan Penyiaran Kedah	JERAI	Smart DJ Corner
8.	Jabatan Penyiaran Malaysia, Sri Aman, Sarawak	BENAK	Sistem Online Logging
9.	Jabatan Penyiaran Malaysia, Negeri Perak	EVOLUSI	Network Allert System (N.A.S)
10.	Jabatan Penyiaran Negeri Pahang	REPCON	Recycle Prompter Controller
11.	Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan	ESTIMA	Sistem Penggera Interaktif

### Majlis Rasmi KKMM

Sepanjang tahun 2014, KKMM telah melaksanakan sebanyak 18 majlis yang terdiri daripada majlis anjuran peringkat Kebangsaan, kementerian dan peringkat Jabatan serta Agensi di bawah KKMM. Semua majlis ini melibatkan keperluan dan khidmat nasihat serta penyertaan warga KKMM yang perlu disediakan oleh KKMM.

### Jadual XXXX: Majlis-Majlis Yang Melibatkan Kerjasama Khidmat Pengurusan Bagi Tahun 2014

BIL.	MAJLIS	PENGANJURAN BERSAMA	TARIKH
1.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan Januari 2014	KKMM	13 Januari 2014
2.	Perarakan dan Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M	JAKIM	14 Januari 2014
3.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan Februari 2014	JAPEN	6 Februari 2014
4.	Majlis Penyampaian Jersi Bola Sepak KKMM	KKMM	26 Februari 2014
5.	Majlis Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan Mac 2014	RTM	6 Mac 2014
6.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan April 2014	IPPTAR	14 April 2014
7.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat KKMM 2013	KKMM	27 Mac 2014
8.	Perhimpunan Bulanan Kkmm Bulan Mei 2014	Telekom Malaysia	19 Mei 2014
9.	Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja 2014	Kementerian Sumber Manusia	21 Jun 2014
10.	Perhimpunan Bulanan KKMM bagi Bulan Julai 2014	BERNAMA	3 Julai 2014

11.	Majlis Berbuka Puasa KKMM Tahun 2014	KKMM	3 Julai 2014
12.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan Ogos 2014	FINAS	12 Ogos 2014
13.	Sambutan Hari Raya peringkat KKMM 2014	KKMM	12 Ogos 2014
14.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan Oktober 2014	POS MALAYSIA	9 Oktober 2014
15.	Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2014M	JAKIM	24 Oktober 2014
16.	Perhimpunan Bulanan KKMM Bulan November 2014	MDEC	17 November 2014
17.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat KKMM Tahun 2014	KKMM	12-13 November 2014
18.	Perhimpunan Khas Warga KKMM	KKMM	4 Disember 2014

## Pemeriksaan Stok dan Verifikasi Stok

Pengurusan Stok Utama di KKMM telah dilaksanakan selaras dengan 1PP-Tatacara Pengurusan Stok Kerajaan (TPS)/ KP 6.1/2013 bagi memastikan stok sentiasa ada apabila dikehendaki dan menepati kehendak pelanggan dan kualiti stok sentiasa terjamin dengan cara memberi perlindungan, penjagaan dan penyelenggaraan yang sewajarnya semasa dalam simpanan.

## Unit Pengurusan Aset

### 4.1 PEMERIKSAAN ASET TAHUNAN

Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan bagi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya telah diadakan pada Ogos hingga November 2014 selaras dengan 1PP/ Tatacara Pengurusan Aset Aset Alih Kerajaan-KP 2.4/2013, Bab Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan yang menggariskan pemeriksaan aset alih Kerajaan perlulah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Pemeriksaan bertujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasi aset, memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini serta memastikan setiap aset berada di lokasi yang sama seperti yang tercatat dalam daftar.

# BAHAGIAN KEWANGAN



Bahagian ini adalah berfungsi untuk mengurus segala hal ehwal belanjawan Kementerian mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan cara paling cekap, ekonomi dan berkesan. Secara amnya, Bahagian ini telah mencapai sasaran keseluruhan untuk tahun 2014 iaitu memberi bantuan khidmat nasihat dan sokongan dalam pengurusan kewangan kerajaan di peringkat Kementerian.

## Cawangan Belanjawan

KKMM telah membelanjakan sebanyak RM 1,420,510,727.61 iaitu 98.74% daripada peruntukan tahun 2014 yang berjumlah RM 1,452,903,000.00. Berikut adalah ringkasan laporan A499 Jabatan Akauntan :

PERUNTUKAN ASAL	VIREMEN, PINDAH/SEKATAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI	PERBELANJAAN (RM)	%	BAKI PERUNTUKAN
1,452,903,000.00	(14,282,000)	1,438,621,000	1,420,510,727.61	98.74	18,110,272.39

## Cawangan Perdagangan

Cawangan Perdagangan merupakan salah satu cawangan di bawah Bahagian Kewangan. Cawangan ini menjalankan tugas-tugas pungutan hasil jualan masa siaran iklan televisyen dan radio RTM. Cawangan ini turut memproses permohonan kelulusan bahan siaran untuk iklan televisyen dan radio bagi siaran RTM. Selain itu, Cawangan Perdagangan juga merupakan pusat pendaftaran pembekal rancangan televisyen RTM terbitan tempatan dan luar negara. Terdapat 3 unit di bawah Cawangan Perdagangan iaitu Unit Akaun, Unit Iklan dan Unit Penyelarasan.

### Unit Akaun

Unit Akaun bertanggungjawab mengeluarkan bil dan memungut hasil jualan masa siaran iklan RTM. Secara keseluruhan, pencapaian hasil jualan kasar masa siaran iklan televisyen dan radio RTM dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 berjumlah sebanyak RM 68.9 juta. Hasil jualan kasar masa siaran iklan televisyen RTM berjumlah sebanyak RM51.8 juta manakala bagi radio pula sebanyak RM 17.1 juta. Pencapaian keseluruhan hasil kasar masa siaran iklan televisyen dan radio RTM bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

#### HASIL JUALAN KASAR MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2014

KATEGORI IKLAN	HASIL JUALAN (RM)
Iklan TV	51.8 juta
Iklan Radio	17.1 juta
JUMLAH KESELURUHAN HASIL JUALAN KASAR	68.9 juta

Unit Akaun juga bertanggungjawab untuk menguruskan Akaun Belum Terima (ABT) bagi hasil jualan masa siaran iklan RTM. Pecahan ABT pada 31 Disember 2014 berjumlah RM8.10 juta adalah seperti berikut:

**Kedudukan ABT Hasil Pada 31 Disember 2014**

TAHUN	JUMLAH BIL BERSIH (RM)	JUMLAH ABT (RM)	% ABT BERBANDING BIL
2014	64,740,188	7,003,942	10.93
2013	60,740,188	136	0.00
2012	83,716,652	250,037	0.30
2011	80,818,170	124,234	0.15
2010	84,193,625	324,987	0.39
2009	66,887,432	19,936	0.03
2008	74,181,492	69,485	0.09
2007	90,769,983	275,242	0.30
2006	111,223,447	34,483	0.03
JUMLAH KESELURUHAN ABT		8,102,482	

**Unit Iklan**

Unit Iklan bertanggungjawab memproses permohonan kelulusan bahan iklan/skrip televisyen dan radio bagi siaran RTM. Setiap bahan iklan yang dihantar akan disemak kandungannya untuk memastikan ia mematuhi dasar-dasar Kerajaan dan garis panduan berhubung pengiklanan dari pelbagai agensi Kerajaan. Bahan iklan skrip ini membabitkan empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Sepanjang tahun 2014, sejumlah 5,520 skrip televisyen dan 1,918 skrip radio telah disemak bagi tujuan kelulusan siaran RTM. Maklumat berkenaan permohonan kelulusan bahan iklan/skrip televisyen dan radio bagi siaran RTM adalah seperti berikut:

**Permohonan Kelulusan Skrip Televisyen 2014**

BIL.	KATEGORI SKRIP	JUMLAH
1.	<u>Skrip Tempatan</u>	
1.1	Lulus tanpa Pindaan	624
1.2	Lulus dengan Pindaan	444
1.3	Tidak Lulus	10
1.4	Batal	23
1.5	Jumlah Skrip	1101
	* 1 SKRIP MERANGKUMI 3 @ 4 BAHASA (BM, ENG, MAN & TAMIL)	
	* Jumlah Skrip 1,101 X 3 (Bahasa)	
	Jumlah Keseluruhan Skrip	3,303

2.	<b>Skrip Kakian Asing</b>	
1.1	Lulus tanpa Pindaan	131
1.2	Lulus dengan Pindaan	602
1.3	Tidak Lulus	4
1.4	Batal	2
1.5	Jumlah Skrip	739
	* 1 SKRIP MERANGKUMI 3@4 BAHASA (BM, ENG, MAN & TAMIL)	
	* Jumlah Skrip 739 X 3 (Bahasa)	
<b>Jumlah Keseluruhan Skrip</b>		<b>2,217</b>

3.	<b>CD ( Nombor KKMM )</b>	<b>1,287</b>
	* 1 CD (KP. NO...) MERANGKUMI 3 @ 4 BAHASA (BM, ENG,MAN & TAMIL)	
	* Jumlah CD 1,287 X 3 (Bahasa)	
<b>JUMLAH KESELURUHAN CD</b>		<b>3,861</b>

#### Permohonan Kelulusan Skrip Radio 2014

BULAN	BM	BI	MAN	TAMIL	DITOLAK	JUMLAH	CD	JUMLAH
JANUARI	53	17	36	25	9	140	100	240
FEBRUARI	45	12	25	16	3	101	85	186
MARCH	56	8	34	17	5	120	105	225
APRIL	65	13	18	16	1	129	88	217
MEI	55	7	20	25	3	110	86	196
JUN	58	5	30	28	7	128	102	230
JULAI	103	10	40	36	9	198	180	378
OGOS	65	8	43	32	9	157	178	335
SEPTEMBER	77	18	50	48	10	203	155	358
OKTOBER	85	15	52	50	18	220	175	395
NOVEMBER	75	13	51	48	13	200	184	384
DISEMBER	78	12	55	53	14	212	168	380
<b>JUMLAH</b>	<b>815</b>	<b>138</b>	<b>454</b>	<b>394</b>	<b>101</b>	<b>1,918</b>	<b>1,606</b>	<b>3,524</b>

### Unit Penyelarasan.

Unit Penyelarasan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pentadbiran Cawangan Perdagangan. Unit ini turut menguruskan sistem pendaftaran pembekal rancangan televisyen RTM dalam talian. Sistem pendaftaran dalam talian telah diguna pakai sepenuhnya mulai 1 Mei 2012. Jumlah pembekal yang telah berdaftar sebagai pembekal rancangan televisyen RTM secara dalam talian sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 235 syarikat. Sasaran tempoh masa pendaftaran antara satu hingga tiga hari tercapai sepenuhnya. Sistem ini boleh dilayari melalui laman sesawang [www.kkmm.gov.my](http://www.kkmm.gov.my)

#### PENDAFTARAN PEMBEKAL RANCANGAN TELEVISYEN RTM SECARA DALAM TALIAN DALAM TEMPOH TIGA (3) HARI

BIL.	KATEGORI PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN
1.	Pembekal Rancangan Televisyen Tempatan	153	123
2.	Pembekal Rancangan Televisyen Luar Negara	82	64
JUMLAH KESELURUHAN		235	187

### Cawangan Pengurusan Kewangan

#### Pembayaran Bil

Semua bil dan tuntutan yang telah diterima hendaklah dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari daripada tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna. Berikut merupakan prestasi kedudukan bayaran bil bagi Tahun 2014.

JADUAL 1 : KEDUDUKAN BIL YANG TELAH DIBAYAR BAGI TAHUN 2014

TEMPOH	SUKU 1	SUKU 2	SUKU 3	SUKU 4
	1-31	1-31	1-31	1-31
JUMLAH BIL	24,811	38,905	36,041	52,515
SELESAI DLM 7 HARI (%)	90.38	90.78	92.38	93.70
SELESAI >14 HARI (%)	0.08 (19 bil)	0	0.01 (4 bil)	0
SELESAI ≤14 HARI (%)	99.92	100	99.99	100

Sumber: Bahagian Akaun, KKMM

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Bahagian Pembangunan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia ditugaskan untuk melaksana, memantau, menyelia dan menguruskan projek-projek pembangunan Kementerian dan juga Agensi. Selain daripada itu, Bahagian Pembangunan juga ditugaskan untuk memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan baik bagi mencapai prestasi perbelanjaan yang telah ditetapkan pada setiap tahun.

## Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan

Bagi tahun 2014 (RP 4) jumlah peruntukan pembangunan KKMM adalah sebanyak RM510.228 juta. Sehingga 31 Disember 2014 sebanyak RM490.214 juta atau 96.08% telah dibelanjakan. Perbelanjaan peruntukan pembangunan adalah seperti di jadual berikut:

SEKTOR	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Penerangan	31,628,600.00	28,128,893.05	3,499,706.95	88.93
Komunikasi	172,620,000.00	161,784,854.95	10,835,145.05	93.72
Multimedia	150,507,500.00	150,507,500.00	0.00	100.00
Projek-Projek NKEA	155,471,900.00	149,792,758.68	5,679,141.32	96.35
JUMLAH	510,228,000.00	490,214,006.68	20,013,993.32	96.08

## Projek MERS 999



Mobile CAD (MCAD)

## Projek Perkhidmatan Respon Kecemasan Malaysia 999 (MERS 999)

MERS 999 adalah perkhidmatan talian kecemasan yang menggunakan satu nombor sahaja iaitu 999 – 'Satu Malaysia Satu Nombor' bagi menggantikan nombor-nombor kecemasan sedia ada.

Sistem MERS 999 dilengkapi dengan Computer Aided Dispatch (CAD), Computer Telephony Interface (CTI) dan Geographical Information System (GIS).



Workstation Projek MERS 999

55

# BAHAGIAN AKAUN




Bahagian Akaun berperanan sebagai pejabat perakaunan yang bertanggungjawab mengaakunkan kutipan hasil kerajaan dan menguruskan pembayaran bagi perbelanjaan Kementerian.

## Seksyen Perunding

Antara aktiviti utama Seksyen Perunding sepanjang tahun 2014 adalah membuat pengumpulan data bagi tujuan pelaksanaan perakaunan akruan. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 63% Aset Tak Alih KKMM telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan jumlah RM5.8 bilion. Manakala nilai Aset Alih yang telah direkodkan pula berjumlah RM754 juta. Seksyen ini juga telah merekodkan 2 projek yang dikategorikan sebagai Aset Dalam Pembinaan bernilai RM5.4 juta.

### STATUS PENGUMPULAN DATA ASET TAK ALIH 2014



■ Menunggu jawapan dari JPPH\*    ■ Selesai

## Seksyen Naziran

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 10 lawatan termasuk 2 lawatan ulangan telah diadakan ke PTJ di sekitar Lembah Kelang. Lawatan ini bertujuan untuk memantau tahap pematuhan PTJ terhadap garis panduan pelaksanaan e-SPKB dan juga peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pendekatan yang dilaksanakan oleh Seksyen Naziran lebih menjurus kepada memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pegawai-pegawai di PTJ yang dilawati. Hasil dari pendekatan yang dilaksanakan hanya 2 PTJ saja yang mencapai tahap yang memuaskan dan perlu dilawati semula untuk diberi bimbingan. Manakala baki selebihnya telah mencapai tahap yang baik dan cemerlang.

## Seksyen Audit Taksiran

Sebanyak 756 Penyata Kira-kira Wang Tunai telah diterima dari 68 pejabat pemungut seluruh Malaysia. Kesemua penyata tersebut telah berjaya disemak dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil dari semakan tersebut 7 pejabat pemungut telah dipilih untuk dilawati. Lawatan ini bertujuan untuk melihat proses pungutan dan penyelenggaraan rekod dilakukan di peringkat PTJ dan seterusnya menilai tahap keberkesanan kawalan dalaman yang dilaksanakan.

## Seksyen Bayaran

Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2014 sebanyak 77,903 baucar dengan nilai bayaran sebanyak RM1.55 bilion telah berjaya diproses oleh Seksyen Bayaran dalam tempoh kurang dari 4 hari. Sebanyak 98.7% pembayaran pada tahun 2014 telah dibuat secara pindahan dana elektronik (EFT).

## Seksyen Pinjaman

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Pinjaman telah memproses 1,022 permohonan pendahuluan diri dalam negeri, 49 permohonan pendahuluan diri luar negeri, 25 permohonan pendahuluan pelbagai dan 59 permohonan pinjaman komputer. Kesemua permohonan yang lengkap telah berjaya diproses dalam tempoh 2 hari dari tarikh permohonan diterima.

## Seksyen Akaun

Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2014 semua sasaran kerja utama Bahagian Akaun telah berjaya dicapai sepenuhnya dengan bantuan sekisyen sokongan iaitu Seksyen Teknikal dan juga Seksyen Pentadbiran dan Kewangan. Berkat kerjasama secara berpasukan semua warga kerja Bahagian Akaun yang telah diterap melalui aktiviti-aktiviti sampingan seperti aktiviti sukan, penganjuran Majlis Hari Raya, sambutan hari jadi dan sebagainya telah mengeratkan hubungan sesama ahli dan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kejayaan Bahagian ini sepanjang tahun 2014.

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) memainkan peranan dalam pelaksanaan program-program Teknologi Komunikasi Maklumat atau Information and Communication Technology (ICT) Kementerian dan Jabatan/Agensinya. Peranan ini adalah berdasarkan Visi ICT iaitu sebagai pemangkin kecemerlangan penyampaian maklumat dan perkhidmatan Kerajaan bagi mencapai visi KKMM untuk Menjadi Peneraju Utama Masyarakat Bermaklumat.

## Program Pensijilan MS ISO IEC 27001:2007

KKMM melalui Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah memperolehi Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati MS ISO/IEC 27001:2007 pada 31 Oktober 2014.

Skop pensijilan adalah :

“SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PENGOPERASIAN PUSAT DATA KKMM BAGI SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN PORTAL RASMI KKMM”

Pensijilan merangkumi:

- Pengurusan kandungan pada Portal Rasmi KKMM menepati prosedur piawaian yang telah ditetapkan sebagaimana MS ISO/IEC 27001:2007;
- Kandungan pada Portal Rasmi KKMM sahih dan tepat.
- Pengoperasian Pusat Data KKMM menepati prosedur piawai tahap keselamatan yang telah ditetapkan.



Sijil ISMS MS ISO IEC 27001 : 2007 KKMM

## Pengujian Pemulihan Bencana – Skop Pemulihan Data KKMM

Tujuan menjalankan Pengujian Pemulihan Bencana bagi Skop Pemulihan Data adalah untuk mengesahkan strategi pemulihan bencana dan tindakan pengukuhan yang telah disediakan untuk KKMM. Hasil ujian ini, KKMM dapat mengenalpasti tahap keupayaan pemulihan bencana untuk aplikasi IT kritikal yang telah ditetapkan. Proses pengujian ini adalah dengan kerjasama pihak MAMPU melalui projek Pusat Data Sektor Awam (PDSA).

Pengujian telah diadakan pada 20 November 2014. Terdapat 3 Aplikasi/Portal terlibat pada pengujian ini iaitu Portal Rasmi KKMM, Portal Malaysia Merdeka dan Sistem Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (ePUSPAL).

## Pembangunan Sistem Aplikasi / Portal / Laman Web

BPM telah membangunkan beberapa sistem aplikasi bertujuan mencapai objektif bagi melengkapkan Kementerian dan Agensi-agensinya dengan infrastruktur, peralatan, perisian dan sistem yang serasi dengan Kerajaan Elektronik.

Antara sistem aplikasi yang telah berjaya dibangunkan adalah sebagaimana jadual berikut :

Bil.	Nama Sistem Aplikasi / Portal / Laman Web	Pengguna
1.	KKMM Advanced Training Information System (K-Artis)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2.	Sistem Pengurusan Peperiksaan Dalam Talian (OSEM)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3.	Sistem Pengurusan Program SALAM (SALAM)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	<b>Sistem KPI KKMM</b>	<b>Unit KPI KKMM</b>
4.	Sistem Pengurusan Server	Bahagian Pengurusan Maklumat
5.	Sistem Invois	Bahagian Pengurusan Maklumat
6.	Sistem Pendaftaran Pengguna Data (SPPD) – Modul Pendaftaran dan Kewangan	Jabatan Perlindungan Data Peribadi
7.	Portal Malaysia Merdeka V2 <a href="http://www.malysiamerdeka.gov.my">http://www.malysiamerdeka.gov.my</a>	Unit Komunikasi Korporat
8.	Portal MH17 <a href="http://www.mh17.gov.my">http://www.mh17.gov.my</a>	Unit Komunikasi Korporat

Jadual XXX: Sistem Aplikasi Yang Telah Dibangunkan

# PUSAT SUMBER



Pusat Sumber berperanan menyediakan bahan rujukan dan bahan bacaan dalam pelbagai format yang komprehensif dan terkini serta perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan maklumat selaras dengan visi dan misi kementerian. Pusat Sumber juga mengadakan aktiviti galak guna Pusat Sumber dan aktiviti galakan membaca ke arah membudayakan minat membaca, penyelidikan serta perkongsian ilmu di kalangan warga Kementerian.

## Pusat Sumber

Pusat Sumber KKMM telah menerima kunjungan seramai 8,962 orang pengguna/pengunjung pada 2014. Jumlah kumulatif ahli Pusat Sumber adalah 2,947 orang di mana pada Januari-Disember 2014, keahlian baru adalah 229 orang. Sebanyak 5,542 bahan koleksi Pusat Sumber telah dipinjam pada tahun 2014 oleh seramai 1,875 orang warga KKMM.

Manakala seramai 5,837 pengguna telah menggunakan Internet dan pangkalan data langganan Pusat Sumber iaitu Lawnet, BLIS dan NIB di Pusat Sumber. Penggunaan portal Pusat Sumber yang direkodkan pada 2014 adalah sebanyak 8,467 hits dan 20,403 halaman telah dikunjungi oleh pengguna maya.

Bagi menambahkan sumber rujukan dalam bentuk digital, Pusat Sumber telah melaksanakan aktiviti pendigitan di mana sebanyak 167 judul bahan (6,437 muka surat) unit telah didigitalkan. Sebanyak 3,312 artikel akhbar dan majalah telah didokumentasi dan boleh diakses melalui pangkalan data WebInfoline.

Pada tahun 2014 juga, sebanyak RM163,000.00 telah diperuntukkan untuk perolehan buku iaitu 2,150 naskhah. Sejumlah 3,512 unit bahan telah diperolehi oleh Pusat Sumber melalui pembelian dan hadiah menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 53,934 unit pada 2014.

## Aktiviti Pusat Sumber

### 1.1 Program Book To You (Book2U)

Program ini adalah perkhidmatan berkonsepkan pameran dan pinjaman buku secara meja ke

meja di mana kakitangan Pusat Sumber akan membawa bahan bacaan ke bahagian terpilih di Kementerian. Objektif program ini adalah untuk mempromosikan koleksi terkini Pusat Sumber di samping meningkatkan pinjaman bahan.

### 1.2 Program Literasi Maklumat

Aktiviti ini telah diadakan pada 8 November 2014 di Bilik Latihan Pusat Sumber. Objektif utama adalah untuk memberi panduan kepada peserta tentang strategi pencarian maklumat dengan cepat dan berkesan, menggunakan pangkalan data langganan Pusat Sumber di samping mempromosi Portal Pusat Sumber kepada pengguna.

### 1.3 Jom Ke Pusat Sumber Bersempena Hari Terbuka

Program ini telah diadakan pada 27 Oktober 2014 di mana objektif utama program adalah untuk menggalakkan penggunaan di samping mempromosikan Pusat Sumber di kalangan warga KKMM, memberi bimbingan penggunaan pangkalan data serta mengemaskini keahlian. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Sesi Kreativiti Seni Hiasan Kaca, Kuiz Teku Muka Surat Buku, Khidmat Nasihat dan Pertandingan Kuiz. Pengguna juga diberi keistimewaan di mana bagi buku lewat pulang tiada denda dikenakan.

### 1.4 Tayangan Filem Tanda Putera sempena Kemerdekaan Ke-57

Aktiviti ini telah diadakan pada 29 Ogos 2014 sempena Hari Kemerdekaan untuk menyemai semangat kecintaan terhadap negara di samping merapatkan hubungan di antara kakitangan dari pelbagai bahagian.

### 1.5 Pameran Buku Bertema

Pameran pertama telah diadakan bersempena bulan kemerdekaan dengan mengangkat tema "Negeraku Malaysia", manakala pameran kedua telah diadakan pada bulan November - Disember 2014 bertemakan "Inovasi".

## 1.6 Kuiz Piala Dunia FIFA

Kuiz ini diadakan sempena kejohanan Piala Dunia FIFA di Brazil yang berlangsung pada bulan Jun 2014. Sebanyak 40 soalan dikemukakan untuk dijawab secara pilihan jawapan serta mengisi tempat kosong oleh peserta. Sebanyak 120 penyertaan diterima daripada seluruh warga KKMM dari seluruh Malaysia. 10 pemenang saguhati dan 3 pemenang utama telah menerima hadiah masing-masing pada Hari Terbuka Pusat Sumber.

## 1.7 Perkhidmatan Kesedaran Semasa

Sebanyak 462 artikel terpilih akhbar tempatan telah diedarkan melalui emel kepada deejay RTM bertujuan untuk membantu mereka membuat hebahan isu-isu semasa kepada pendengar radio. Edaran 6 artikel terpilih berkaitan pengurusan dan kepimpinan/ICT dan pelbagai lagi kepada kakitangan kumpulan profesional dan pengurusan KKMM juga telah dilaksanakan pada 2014. Edaran Senarai Buku Terkini juga dilaksanakan semasa Mesyuarat Pengurusan pada Julai dan Disember 2014.

## 1.8 Perkhidmatan Maklumat Pusat Sumber

22 hebahan telah dibuat pada 2014 meliputi maklumat/aktiviti Pusat Sumber, pameran dan koleksi buku terkini yang terdapat di Pusat Sumber.

## 1.9 Perkhidmatan Santapan Minda (Ulasan Buku)

Perkhidmatan ini menyediakan ulasan ke atas buku terpilih koleksi pusat sumber terutamanya berkaitan subjek pengurusan, perkhidmatan awam, komunikasi, budaya dan kesenian. Sebanyak 4 kali ulasan buku telah dibuat dan dihebahkan kepada warga KKMM sepanjang tahun 2014 di mana jumlah keseluruhan buku tersebut adalah sebanyak 24 buah.

# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred Utama C. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan struktur organisasi dan perjawatan, urusan-urusan perkhidmatan, latihan kakitangan dan peperiksaan serta urusan-urusan berkaitan prestasi dan kemajuan kerjaya pegawai.

## Penstrukturan Semula Kementerian


Selaras dengan hasrat YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk melihat transformasi Kementerian ke arah Kementerian Strategik, gerak kerja penyusunan semula Kementerian telah dimulakan seawal tahun. Penyusunan semula Kementerian yang melibatkan keseluruhan Bahagian,

Usaha menambah baik struktur organisasi dan perkhidmatan Kementerian turut melibatkan transformasi Jabatan/ Agensi di KKMM. Cadangan penyusunan semula Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak melibatkan penaiktarafan IPPTAR menjadi sebuah Pusat Latihan Strategik Negara dengan pewujudan tiga (3) sektor utama. Cadangan penyusunan semula Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) bakal menampakkan pembahagian tugas secara jelas antara sektor pengurusan dan pembangunan serta operasi.

Isu-isu berkaitan dengan penempatan pegawai secara pentadbiran kesan daripada pertambahan fungsi di Jabatan Penyiaran Malaysia pula ditangani dalam cadangan penstrukturan semula Jabatan Penyiaran Malaysia. Usaha penambahbaikan perjawatan menerusi penstrukturan semula bagi Jabatan/Agensi diteruskan pada tahun 2014.



## Rajah 1 : Definisi penstrukturan



Jadual : Pencapaian kehadiran 7 hari berkursus tahun 2014

Kursus Anjuran KKMM	Bilangan
Jumlah Kursus yang ditawarkan	133
Jumlah Program Yang Dilaksanakan	144



### Pencapaian Perbelanjaan Peruntukan Latihan 2014

Pada tahun 2014, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah meluluskan peruntukan latihan sebanyak RM 2,547,500.00 kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Sehubungan dengan itu, Cawangan Pembangunan Modal Insan BPSM telah melaksanakan sebanyak 144 program latihan dengan perbelanjaan sebanyak RM 2,100,196.80 atau 82.44 % (peratus) daripada jumlah yang telah diluluskan.

62

### Program Pengupayaan Kendiri

#### PROGRAM RAKAN PEMBIMBING (AKRAB) & PROGRAM PEMENTORAN KKMM

##### Kursus Pra Akrab Tahap I Dan II Bagi Pegawai Kkmm Zon Borneo 2014

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) terus komited untuk menambah bilangan Rakan Pembimbing (AKRAB) bagi KKMM khususnya bagi Zon Borneo. Justeru pada tahun 2014 BPSM telah melaksanakan Kursus Pra AKRAB Tahap I Zon Borneo yang telah diadakan pada 21 – 23 April 2014 di Hotel Lime Tree, Kuching Sarawak dan juga Kursus Pra Akrab Tahap II yang telah diadakan pada 18 – 20 Jun 2015 di TH Hotel, Kota Kinabalu. Kursus ini dihadiri oleh seramai 30 orang pegawai dari jabatan dan agensi KKMM Zon Borneo. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk:-





**Program Motivasi**

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga menganjurkan seminar/kursus/program yang berbentuk motivasi khusus untuk warga KKMM.



Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2014, KKMM di PUSPANITAPURI, Putrajaya telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



Para peserta diberikan sijil penghargaan dan cenderahati oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



# JABATAN PENYIARAN MALAYSIA



Jabatan Penyiaran Malaysia telah menempa sejarah selama 68 tahun sebagai media elektronik terulung dalam komunikasi negara. Peranan serta fungsi sebagai pemangkin, pemacu dan pelantar komunikasi berteknologi tinggi dalam membentuk acuan pemikiran rakyat dilaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan dan melestarikan negara berkapasiti tinggi.

## Operasi BES 2014 Di Wisma Berita

Pada September 2014, operasi Seksyen Berita Radio berpindah sepenuhnya ke Wisma Berita. Dengan itu siaran berita setiap jam dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil disiarkan dari Wisma Berita menggunakan enam studio berita radio dan bilik suntingan. Selain itu, Wisma Berita juga menempatkan Pusat Sumber RTM yang turut merangkumi Perpustakaan Berita TV.



Wisma Berita RTM, Angkasapuri

## Segmen Berita BES5 10

Sejajar dengan keperluan migrasi ke teknologi digital berdefinisi tinggi (HD), BES telah memperkenalkan BES510 iaitu satu segmen berita yang disiarkan selama 5 jam dari pukul 5.00 petang hingga 10.00 malam melalui TV1 sebanyak 5 hari seminggu dari Isnin hingga Jumaat. Ia mula bersiaran pada 1 September 2014.

Laporan hasil kajian Media Analytics menunjukkan, secara purata BES510 mencatatkan bilangan penonton antara 800 ribu hingga 1.4 juta seminggu.



BES5 10

## Skuad Alfa RTM

Skuad Alfa RTM ditubuhkan pada 2008 untuk membuat liputan dan menyebarkan maklumat terkini ketika berlaku bencana. Selain liputan banjir, Skuad Alfa RTM juga menyebarkan maklumat berkenaan cuaca, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, jerebu, ribut, paras air sungai, keadaan laut, air pasang dan bencana-bencana lain. Mereka juga bertanggung jawab menghebahkan panduan keselamatan sebelum, semasa dan selepas bencana serta memupuk kesedaran betapa pentingnya mematuhi arahan pihak berkuasa ketika bencana.

Skuad Alfa RTM telah membuat liputan bencana di dalam dan luar negara.



Barisan hadapan Skuad Alfa



Menemuramah Pengerusi Majlis Keselamatan Negara

### 33 Stesen Radio

Radio RTM melalui rangkaian 33 stesen di seluruh negara sentiasa meletakkan keutamaan sebagai penyiar radio yang berkualiti dalam menyebarkan luas informasi dan hiburan bermaklumat seiring permintaan semasa pendengar. Bagi memenuhi matlamat tersebut, Radio RTM sentiasa memastikan program-program yang diatur adalah yang terbaik tanpa meminggirkan kepelbagaian kaum, bahasa dan dialek menerusi 6 stesen nasional, 19 stesen negeri dan 8 stesen tempatan dengan kategori program seperti bual bicara, drama, berita selain pesanan khidmat masyarakat (PSA) dan kempen-kempen kerajaan yang menjadi teras utama siaran.




Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,007 program radio di lokasi dilaksanakan di seluruh Negara. Objektif inisiatif ini ialah merakatkan RTM iaitu mendekatkan RTM dengan masyarakat.

### 3 Saluran Televisyen Utama

Tiga saluran televisyen utama RTM iaitu TV1, TV2 dan TVi menjadi tonggak utama dalam penyampaian maklumat menerusi pelbagai bentuk rancangan untuk audiens sasaran.

TV1 mengutamakan rancangan berbentuk jati diri sementara konsep rancangan di TV2 ialah hiburan berinformasi serta menepati trend audiens daripada pelbagai etnik dan ras. TVi yang ketika ini masih menggunakan platform siaran di ASTRO 180, memberi fokus kepada generasi muda serta jendela bagi maklumat dari Sabah dan Sarawak. Secara purata, TV1 memperoleh pendapatan sebanyak RM15,609,831.00 manakala TV2 memperoleh RM36,340,566.54 untuk tahun kewangan 2014.

Kategori rancangan saluran:



Kadar penonton bagi ketiga-tiga saluran amat memberangsangkan pada 2014. Penonton meningkat dengan kadar antara 5% hingga 10% secara purata bagi ketiga-tiga saluran. Rangsangan daripada rancangan bercorak sukan di TV1, filem-filem 'blockbuster' di TV2 dan gaya hidup serta hiburan remaja di TVi menjadi penyumbang utama.

### Penerbitan Rancangan

Penyumbang utama kepada rancangan yang disiarkan di ketiga-tiga saluran ialah seksyen penerbitan dalaman yang menghasilkan penerbitan khusus mengikut genre dan 'core business' setiap seksyen. Unit Majalah dan Dokumentari telah menghasilkan 600 rancangan pada 2014 bagi memenuhi 'need statement' saluran, sementara Unit Drama menghasilkan 50 penerbitan drama termasuk 9 telemovie. Bagi mempelbagaikan genre rancangan, Unit Drama telah menerbitkan dua sitkom iaitu Kelas Sebelah dan Mai Chek Mai.

Unit Sukan dan Unit Hiburan pula telah membantu meletakkan saluran di posisi yang baik ADEX dengan pencapaian hebat sukan permotoran, bola sepak dan kejohanan sukan antarabangsa, sementara

konser serta rancangan hiburan bertaraf antarabangsa menjadi penanda aras industri. Pencapaian paling hebat Unit Sukan ialah penyiaran rancangan “Rio To Malaysia’ Kejohanan Piala Dunia Brazil 2014 yang telah mencatatkan penonton tertinggi iaitu sejumlah 2 juta penonton.



## Kejayaan RTM

Tahun 2014 menyaksikan pelbagai kejayaan yang amat memberangsangkan sekali gus menyumbang kepada prestasi Jabatan Penyiaran secara keseluruhannya di peringkat domestik dan antarabangsa.

BIL	AKTIVITI/ANUGERAH /PROJEK	PERINGKAT PENCAPAIAN
1.	ASIAVISION MONTHLY AWARD FOR MARCH 2014 (Malaysia Airlines Flight MH370 Goes Missing)	ASEAN
2.	ANUGERAH KEWARTAWANAN MEDIA TV (Anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK): Tempat Pertama dalam rancangan Hak Kita Suara Kita)	Nasional
3.	PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)	Kementerian
	<p><u>Kategori Teknikal:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Elektron RTM Sabah – Johan</li> <li>• Kumpulan Evolusi RTM Perak – Naib Johan</li> <li>• Kumpulan Optik RTM Sarawak - Tempat Ketiga</li> </ul> <p><u>Kategori Pengurusan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan OMR dari Bahagian Program Radio, RTM ibu pejabat - Naib Johan</li> <li>• Kumpulan Face It dari Seksyen Media Teknologi Aplikasi &amp; RTM Online, RTM ibu pejabat – tempat ke-3</li> </ul>	
	<p>PERTANDINGAN INOVASI TERBAIK KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)</p> <p>Johan – Kumpulan Repcon, RTM Pahang</p> <p>Naib Johan - Kumpulan Evolusi, RTM Perak</p>	Kementerian

4.	PERTANDINGAN BINTANG RADIO ASEAN Anjuran Stesen Radio Republik Indonesia, di Kupang Indonesia: Norshima Kadir (Radio Klasik) menjadi Juara Kategori Wanita sementara Tuan Izzatt Tuan Aziz menjadi Naib Johan Kategori Lelaki	ASEAN
5.	PERTANDINGAN PANTUN 3 PENJURU (DBP/DBKL/RTM) (Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka/Dewan Bandar raya Kuala Lumpur/RTM: Radio Klasik menjuarai pertandingan pantun 3 penjuru sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan)	Nasional
6.	ANUGERAH HRMIS TERBAIK (Anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia: RTM mendapat anugerah tersebut dalam tahun 2014)	Nasional
7.	WORLD SUMMIT ON MEDIA FOR CHILDREN (WSMC) 2014 RTM diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran WSMC yang berprestij dan bertaraf dunia pada 8 hingga 10 September 2014 lalu	Antarabangsa
8.	A night with Romanian National Radio Orchestra (Romania) Gabungan Orkestra RTM dan Orkestra Romania di Dewan Philharmonic Petronas	Antarabangsa
9.	Persekutaran Berkualiti (QE/5S) JABATAN PENYIARAN MALAYSIA  Pensijilan pertama - 27 Mac 2012 hingga 26 Mac 2013  Pensijilan kedua - 21 Jun 2013 hingga 20 Jun 2014  Pensijilan ketiga – 2 Disember 2013 Hingga 1 Disember 2014	Antarabangsa
10.	Tempat pertama Kenyalang Shell Press Awards 2014 dalam kategori Environmental News Award (Broadcasting)	Negeri Sarawak

# JABATAN PENERANGAN MALAYSIA



JaPen bertindak sebagai peneraju utama dan teras dalam menjayakan Gagasan 1Malaysia serta pembinaan negara bangsa berteraskan Rukun Negara. JaPen turut menterjemah dan memasarkan dasar dan agenda negara supaya difahami, disokong, dihayati dan dibudayakan oleh seluruh rakyat melalui program-program penerangan.

## Komuniti 1Malaysia (K1M)

Penubuhan K1M yang terdiri daripada berbilang kaum bagi tujuan memupuk nilai-nilai perpaduan, pembangunan jati diri dan semangat cintakan negara. Sehingga tahun 2014 juga, sebanyak 1,320 buah K1M telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 52,000 orang dengan menggabungkan komuniti bukan Melayu iaitu masyarakat Cina, India dan lain-lain selaras dengan Gagasan 1Malaysia. Penubuhan K1M tahun 2014 pula adalah sebanyak 104 K1M sahaja dan perincian jumlah penubuhan mengikut negeri adalah seperti di Jadual XXX:

**Jadual XXX : Jumlah Keseluruhan Penubuhan K1M Sehingga Tahun 2014**

NEGERI	JUMLAH PENUBUHAN K1M
Perlis	38
Kedah	101
Pulau Pinang	87
Perak	98
Selangor	76
WP Kuala Lumpur	55
Negeri Sembilan	77
Melaka	35
Johor	125
Pahang	111
Terengganu	94
Kelantan	106

NEGERI	JUMLAH PENUBUHAN K1M
Sarawak	160
WP Labuan	18
Sabah	139
Jumlah	1,320

## 2. Program Penghayatan 1Malaysia

Pada tahun 2014, sejumlah 2,755 aktiviti Program Penghayatan 1Malaysia : Pencernaan Minda telah dilaksanakan di seluruh negara. Program ini juga telah mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara JaPen bersama pihak Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara dan berjaya menembusi sasaran seramai 30,342 pelatih PLKN melalui 286 program. Penghayatan 1Malaysia merupakan aktiviti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum seperti Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kumpulan fokus seperti masyarakat Orang Asli, Siam, Cina, India dan Felda.

**Jadual XXX : Pelaksanaan Penghayatan 1Malaysia Tahun 2014**

KEGIATAN	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH PESERTA
Taklimat Minda	45	11,250
Pencernaan Minda	298	14,900
Santai Minda	1788	143,040
Aktiviti Al-Mukminin	298	14,900
Aktiviti Jiwa Murni	298	14,900
Kembara Minda	28	1,120
Jumlah	2,755	200,110

## Program Kenegaraan Dan Pembangunan Jati Diri

Sepanjang tahun 2014, terdapat sebanyak 60 Kelab 1Malaysia baharu ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Setiap tahun juga, sekolah-sekolah ini akan menyertai dua program utama anjuran Jabatan Penerangan Negeri yang dilaksanakan pada peringkat negeri masing-masing. Dua program utama tersebut ialah Program Khemah Kerja Kelab 1Malaysia dan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Kelab 1Malaysia.

**Jadual 5 : Bilangan Penubuhan Kelab 1Malaysia Tahun 2014**

NEGERI	JUMLAH PENUBUHAN SEHINGGA TAHUN 2013 (BUAH)	JUMLAH PENUBUHAN TAHUN 2014 (BUAH)	JUMLAH KESELURUHAN PENUBUHAN SEHINGGA TAHUN 2014 (BUAH)
Pulau Pinang	36	4	40
Johor	67	6	73
Kedah	55	5	60
Kelantan	77	3	80
Melaka	45	1	46
Negeri Sembilan	31	5	36
Pahang	77	4	81
Perak	58	6	64
Perlis	11	1	12
Sabah	88	5	93
Sarawak	46	5	51
Selangor	49	6	55
Terengganu	56	5	61
WP Kuala Lumpur	36	4	40
WP Labuan	9	0	9
Jumlah	741	60	801

## Pentarama

PENTARAMA merupakan singkatan ayat yang memberi maksud Penerangan melalui Nyanyian, Tarian dan Drama. Kaedah penyaluran maklumat komunikasi bersemuka bagi menerangkan dasar dan program Kerajaan melalui media tradisional turut diaplikasikan dalam setiap persembahan supaya ianya lebih bervariasi dan menarik. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 275 persembahan PENTARAMA telah diadakan diseluruh negara berbanding dengan sasaran KPI hanya sebanyak 170 persembahan.

Perincian persembahan sepanjang tahun 2014 adalah seperti di Jadual.

**Jadual XXXX : Persembahan PENTARAMA Tahun 2014**

JENIS PERSEMBAHAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Persembahan Penuh (Fullshow)	135	42	54	231
Buskers & Flashmob	20	-	-	20
Shoutul Sahabah	12	-	-	12
Koir KKMM	12	-	-	12
Jumlah	179	42	54	275



Gambar : Antara Persembahan Artis PENTARAMA

## Pengurusan Maklumat

Walaupun, pemasaran maklumat melalui media siber merupakan kaedah baru bagi menembusi khalayak, namun tidak dapat dinafikan bahawa kaedah secara konvensional masih diberi perhatian.

Sebagai sebuah Jabatan yang berperanan sebagai mata dan telinga kerajaan, JaPen juga mewujudkan sistem pemantauan dan menyediakan laporan amaran awal hasil daripada tugas lapangan, risikan dan pemantauan gerak saraf dan perang saraf melalui satu analisis reaksi awam dan pelaporan isu lapangan mengenai isu-isu semasa. Analisis dan laporan ini disediakan melalui Laporan Sinopsis Isu Mingguan (SIM), Laporan Isu Lapangan dan Laporan Pengurusan Isu. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 49 Laporan SIM dan 39,108 Laporan Isu dan Peristiwa disediakan. Manakala Laporan Pengurusan Isu pula adalah sebanyak 62 laporan melalui Laporan Reaksi Am (LRA) dan 53 laporan melalui Laporan Khas (LK).

Hasil pelaporan ini juga akan dijadikan sebagai salah satu sumber untuk tujuan pertimbangan oleh pihak berkepentingan dalam menambah baik dasar atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.



Aktiviti pemantauan dan pemilihan tajuk-tajuk utama akhbar



Antara penerbitan buku mewah

## Penerbitan

Sepanjang tahun 2014 juga, JaPen telah menerbitkan dua jenis penerbitan utama iaitu penerbitan berkala dan tidak berkala yang memberi tumpuan kepada usaha menjayakan program transformasi negara sama ada Program Transformasi Kerajaan yang merangkumi tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Ekonomi bersama-sama 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) dan Program Transformasi Politik. Sepanjang tahun 2014, sejumlah 24 tajuk penerbitan dengan kuantiti sebanyak 388,000 ribu naskah telah diedarkan ke seluruh negara. Manakala sebanyak 69 tajuk penerbitan buku tidak berkala telah diterbitkan dengan kuantiti sebanyak 3.5 juta naskah.

Penerbitan tidak berkala dalam bentuk buku mewah atau buku bergambar juga telah menjadi rujukan umum seperti Malaysiaku Berdaulat Tanah Tumpahnya Darahku, Malaysia : Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta dan MH370.

Penerbitan secara konvensional masih mendapat tempat. Walau bagaimanapun, bagi membawa kelainan ke atas penerbitan tersebut, JaPen telah menerbitkan bahan-bahan penerbitan dalam bentuk karikatur dan grafik supaya lebih menarik dan mudah difahami. Saiz penerbitan turut dikecilkan supaya ianya mudah dibawa bersama ke mana sahaja.



Sebagai tindakan proaktif kepada kaedah capaian sedia ada bagi mendapatkan bahan-bahan terbitan e-book dan d-book JaPen, maka kaedah imbasan QR Code telah digunakan bagi mempercepatkan pemerolehan bahan-bahan terbitan tersebut melalui gajet mudah alih.

Pada tahun 2014, JaPen turut menyediakan lima tajuk penerbitan bahan-bahan maklumat rasmi Kerajaan dalam bentuk audio visual dengan kuantiti sebanyak 14,800 unit. Tajuk CD/VCD yang diterbitkan ialah Lagu Negaraku, Lagu Rasmi Negeri, Lagu Tema Hari Kemerdekaan, VCD Dugaan Negara dan VCD Kemerdekaan Malaya. Dokumentari pendek mengenai Hari Kemerdekaan dan CD lagu-lagu patriotik mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah diedarkan kepada orang ramai melalui aktiviti-aktiviti pameran yang dilaksanakan oleh JaPen.



Antara penerbitan dalam bentuk CD/VCD  
Dalam usaha memastikan bahan-bahan penerbitan disalurkan kepada stakeholders dan orang ramai, JaPen

juga memberi komitmen yang tinggi untuk terlibat dalam pameran yang dilaksanakan oleh Jabatan mahupun agensi luar. Platform ini digunakan untuk mengagihkannya bahan-bahan penerbitan khususnya mengenai dasar-dasar Kerajaan kepada orang ramai.

## Pengurusan Media dan Komunikasi Korporat

Pada tahun 2014, JaPen telah terlibat dalam pengurusan pusat media semasa negara berhadapan dengan dua tragedi udara yang melibatkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) iaitu kehilangan pesawat MH370 dan pesawat MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine. Tragedi yang menimpa kedua-dua pesawat ini telah mendapat liputan meluas media tempatan dan antarabangsa. Sehubungan itu, JaPen telah dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan pusat media bagi kedua-dua tragedi ini.



Sidang media MH370 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia



Sesi Sidang Media MH17

# JABATAN HAL EHWAL KHAS



JASA merupakan sebuah jabatan yang merancang dan merangka strategi berkesan untuk mendidik rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Seawal penubuhan nya pada tahun 1960 sehingga kini, JASA begitu komited melaksanakan pelbagai program bertepatan dengan objektif nya membentuk rakyat Malaysia yang berkeyakinan, matang, mempunyai nilai moral yang kukuh serta berjiwa patriotik.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan oleh JASA. Antaranya Program Doa Untuk Malaysia, Kem Kepimpinan Nusantara 2015 “Memperkasakan Jaringan Serantau”, Pertandingan Instagram Merdeka #im57, Dialog Khas JASA bersama Foreign Correspondents Club Malaysia, Pelancaran QR Code Buku Kuiz Mega – Penguasaan Lengkap Fakta-Fakta Kenegaraan dan Grafiti Merdeka (GAMA 57).

Selain itu JASA turut komited menjalankan program berbentuk titik sentuhan Prihatin 1Malaysia, Kumpulan Rakan Siswa Malaysia (KARISMA) selain program berbentuk forum iaitu Wacana Ilmuan Negara (WINNER) dan sebagainya.

Bermula Tahun 2014 JASA telah melaksanakan program JASA Di Radio yang telah berjaya dilaksanakan sebanyak 397 program di seluruh Negara dengan kerjasama stesen radio daripada Jabatan Penyiaran seluruh Negara (RTM).

## Jasa Prihatin

JASA Prihatin atau lebih dikenali sebagai Program Prihatin 1Malaysia merupakan program bersifat titik sentuhan. Dalam pelaksanaan program ini, JASA dipertanggungjawabkan mengadakan program Prihatin 1Malaysia (membaiki kerosakan kecil rumah) pada setiap perayaan utama yang diraikan di Malaysia seperti perayaan Deepavali, Hari Raya Aidilfitri, Krismas, Tahun Baru Cina dan Pesta Kaamatan serta perayaan-perayaan lain. Program ini melibatkan aktiviti membaiki kerosakan kecil rumah, sumbangan barangan keperluan dapur kepada yang dikenalpasti, pemberian hamper kepada pesakit di hospital, bergotong-royong dan lain-lain.



Penyampaian bantuan berbentuk barangan keperluan antara pengisian program Prihatin 1Malaysia



Aktiviti gotong-royong membantu mangsa-mangsa banjir merupakan salah satu pengisian Program Prihatin 1Malaysia



Bantuan membaiki rumah berskala kecil juga merupakan salah satu pengisian program JASA Prihatin

## Kumpulan Rakan Siswa Malaysia (KARISMA)

Kumpulan Rakan Siswa Malaysia atau KARISMA merupakan salah satu program utama JASA yang mensasarkan generasi muda terutamanya mahasiswa dan mahasiswi di menara gading untuk bersama-sama membina semangat 1 Malaysia demi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di negara ini dapat diteruskan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak

**73**

19 program KARISMA telah diadakan melibatkan penyertaan mahasiswa dan mahasiswi seluruh negara.



Para peserta tidak melepaskan peluang bergambar beramai-ramai selepas selesai aktiviti berkumpul

### Wacana Ilmuan Negara (WINNER)

WINNER berfungsi sebagai medan forum kepada golongan pakar dalam pelbagai latar belakang keilmuan dan budaya untuk menentengahkan pandangan dan pemikiran kontemporari. Wacana ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan dialog kemasyarakatan, penyelidikan, politik tempatan dan antarabangsa, elemen agama dan hak asasi manusia kepada masyarakat. Program ini diperkenalkan bermula tahun 2009. Pada tahun 2014 sebanyak 58 program WINNER telah berjaya dilaksanakan di seluruh Malaysia.



Antara peserta yang hadir di Program Wacana Ilmuan Negara (WINNER): "Mengurus Kos Hidup Rakyat"

### Doa Untuk Malaysia (Pray For Malaysia)- Malam Cinta Rasul

Program "Doa Untuk Malaysia" telah diadakan bersempena Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan Negara ke-57. Program ini merupakan hasil kerjasama JASA dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bersama penyiar rasmi iaitu TV Al-Hijrah serta agensi lain. Program ini telah menjadi satu platform dalam menyatukan umat Islam di Malaysia tanpa mengambil kira perbezaan ideologi dan fahaman

politik setiap rakyat. Program Doa Untuk Malaysia "Pray For Malaysia" ini juga turut dilaksanakan di rumah-rumah ibadat pelbagai agama di Malaysia yang menunjukkan kesatuan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia selain menyemai semangat cintakan keharmonian konsep bersyukur.



Antara khalayak daripada pelbagai lapisan masyarakat yang hadir semasa Program Doa Untuk Malaysia di Dataran Merdeka 15 Ogos 2014 lalu



Habib Ali Zaenal Abidin ketika menterjemahkan doa yang dibaca dalam bahasa Arab oleh salah seorang ahli kumpulan qasidah



Penganut agama Hindu sedang menjalani upacara sembahyang di Kuil Sri Ramar Alayam pada 15 Ogos 2014 lalu



Program Doa Untuk Malaysia di Gudwara Sahib, Selayang Bharu bagi penganut agama Sikh pada 15 Ogos 2015



Penganut agama Buddha sedang berdoxa di Sri Jayanti Buddhist Temple, Sentul Kuala Lumpur pada 17 Ogos 2015

# JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI



Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). JPDP telah ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709. Tanggungjawab utama Jabatan ini ialah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga transaksi komersial oleh pengguna data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Keselamatan data peribadi pengguna perlu dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia secara transaksi komersial adalah termaktub di bawah APDP.

JPDP diketuai oleh Ketua Pengarah yang juga turut dilantik sebagai Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia yang pertama di ASEAN turut dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah. Pejabat Pesuruhjaya merupakan entiti bebas bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta 709. Manakala, fungsi dan peranan Pejabat Pesuruhjaya didokong oleh tiga Bahagian dan tiga Unit di bawah JPDP.

## Pejabat Pesuruhjaya

- Pejabat Ketua Pengarah / Pejabat Pesuruhjaya
- Pejabat Timbalan Ketua Pengarah / Pejabat Timbalan Pesuruhjaya
- Jawatankuasa Penasihat
- Forum Pengguna Data
- Tribunal Rayuan

## Bahagian Pendaftaran dan Operasi

- Unit Pendaftaran
- Unit Hal Ehwal Pengguna Data

## Bahagian Pemantauan

- Unit Penilaian Risiko
- Unit Siasatan
- Unit Pemantauan

## Bahagian Perundangan

Unit Komunikasi Korporat  
Unit Khidmat Pengurusan  
Unit Teknologi Maklumat

## Pencapaian Aktiviti JPDP Sepanjang Tahun 2014

Pelaksanaan Akta 709 telah dan akan dilaksanakan mengikut tiga Fasa Utama iaitu:

**Fasa pertama** – tumpuan kepada aspek Pendaftaran Golongan Pengguna Data yang terlibat dan mengadakan program kesedaran umum;

**Fasa kedua** – penekanan kepada aspek pematuan dan penilaian bagi mengukur tahap kesediaan entiti pengguna data bagi membangunkan Kod Tata Amalan dan lain-lain amalan terbaik; dan

**Fasa ketiga** – pelaksanaan penuh Akta 709 melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Sepanjang tahun 2014, program-program kesedaran awam berkaitan Tadbir Urus Data Peribadi Pelanggan (PTUDPP) giat diadakan di seluruh Negara mengikut Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Enam (6) siri PTUDPP tersebut berjaya menarik lebih 1500 peserta yang terdiri daripada Jabatan/Agensi Kerajaan termasuk Golongan Pengguna Data yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti Komunikasi, ICT, Perkhidmatan, Pendidikan, Pertubuhan Perdagangan, Persatuan Pengguna, Syarikat Perniagaan, Kewangan, Perbankan dan Insurans, Perhotelan dan Pelancongan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Perkhidmatan Kesihatan serta Perubatan.

Sebanyak 74 Forum Pematuan Pengguna Data telah diadakan pada tahun ini yang melibatkan semua Golongan Pengguna Data yang mempunyai majoriti data peribadi 'subjek data'. Antaranya ialah Bank Negara Malaysia (BNM), GAMUDA Malaysia Bhd., Majlis Amanah Rakyat (MARA), Management and Science University (MSU), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Media PRIMA dan lain-lain.

Inisiatif untuk meningkatkan sumber rujukan (repository resources) pematuan secara atas talian kepada pengguna data juga turut diperluaskan lagi dengan memperbanyakkan penerbitan bahan-bahan rujukan dalam bentuk Garis Panduan Nasihat dan Amalan Terbaik. Pada tahun ini, lima (5) Kertas

Cadangan dan satu (1) Kajian Selidik Berkenaan Peraturan–Peraturan Kompaun telah dikemukakan kepada khalayak umum untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas Pengguna Data dan Data Subjek sebelum dimuktamad dan dijadikan rujukan umum dan boleh didapati dalam laman web [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my).

Setiap aduan dan pertanyaan awam perlu diuruskan secara sistematik dan berkesan bagi memastikan keberkesanan Sistem Penyampaian Awam Kerajaan. Bagi tahun 2014, JPDP menerima sebanyak 162 aduan awam berbanding 39 kes pada tahun sebelumnya.

Pertanyaan awam kepada JPDP dan Pesuruhjaya juga turut meningkat secara mendadak sebanyak 62% daripada 5,664 pada tahun 2013 kepada 14,775 pada tahun 2014.

Sepanjang tahun 2014, JPDP sentiasa memberi komitmen dalam Persidangan, Rundingan, Seminar dan Taklimat Perlindungan Data Peribadi dan Privasi di peringkat antarabangsa antaranya seperti berikut:

- International Data Privacy Seminar pada 5 Jun 2014 di JW Marriot, Hong Kong, China;
- Information Technology Security Techniques di Mexico pada 20-24 Oktober 2014 di Mexico City, Mexico;
- aappANZ Privacy Summit pada 15-17 November 2014 di Sydney, Australia;
- 4th Annual Personal Data Protection: Clearing the Clouds of Uncertainty (Penyertaan JPDP bersama Asian World Summit) pada 9-10.12.2014 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 17,537 permohonan pendaftaran Pengguna Data telah diterima oleh Pesuruhjaya. Pesuruhjaya juga turut telah mengiktiraf dan melantik 6 (enam) sektor utama daripada 11 Golongan Pengguna Data yang telah berdaftar sebagai PENERAJU Forum Pengguna Data.



# INSTITUT PENYIARAN TUN ABD RAZAK



IPPTAR sebagai sebuah institusi nasional menyediakan kursus profesional dalam bidang penyiaran bagi meningkatkan prestasi pegawai-pegawai dalam bidang penyiaran termasuk penerbitan rancangan dan kejuruteraan radio, TV dan filem kepada peserta-peserta dari jabatan/agensi luar.

## Prestasi Perbelanjaan

Sepanjang tahun 2014 IPPTAR menganjurkan 96 kursus kepada lebih 10,000 ribu penjawat awam dalam kalangan warga kerja KKMM.

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2014


TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)
2014	1,200,000.00	1,200,000.00

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus 2014


PENYELARAS	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)
Latihan Rancangan TV	12	156	191,275.00
Latihan Rancangan Radio	12	269	67,071.00
Latihan Pembangunan Teras	24	1940	158,816.00
Latihan Pengajian dan ICT	13	199	183,609.00
Latihan Kejuruteraan TV	8	156	87,426.00
Latihan Kejuruteraan Radio	8	116	92,769.00
Latihan Kejuruteraan Asas dan Bersepadu	9	204	70,119.00
Program Khas	6	1500	278,720.00
Latihan untuk Warga Kerja IPPTAR	4	114	70,195.00
Jumlah	96	4046	1,200,000.00

## Perbezaan Bilangan Peserta Kursus 2013 Dan 2014

### BILANGAN PESERTA KURSUS TAHUN 2013



### BILANGAN PESERTA KURSUS TAHUN 2014



Bilangan peserta yang hadir berkursus pada tahun 2014 ialah seramai 4,046 berbanding 5,212 pada tahun 2013. Perbezaan sebanyak 1,166 orang. Perkara ini berlaku kerana pada tahun 2014 tempoh kursus sedia ada ditambah bilangan hari bagi memberi fokus kepada pembelajaran yang lebih efektif sekali gus memantapkan lagi penguasaan para peserta dalam bidang kursus yang dihadiri.

### Ringkasan Pencapaian 2014

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang kreatif dan berbakat, sentiasa peka dengan perkembangan semasa, IPPTAR pada tahun 2014 melaksanakan 96 kursus fungsional dan generik. Selain itu, IPPTAR melaksanakan pelbagai program khas seperti persidangan, seminar, wacana ilmu, bicara eksekutif, bengkel, penerbitan dan kajian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan melatih secara purata 50 orang peserta bagi setiap program.

### Penganjuran Program Literasi Minda di Peringkat Kebangsaan

BIL	TAJUK	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Seminar GST	19 Jun 2014	300
2.	Seminar Pengurusan Kewangan	24 Jun 2014	300
3.	Seminar Keep Slim	22 September 2014	300
4.	Seminar Bahasa Melayu : Kerana Mulut Bahasa Binasa	30 Oktober 2014	300

### Penganjuran Program Literasi Minda di Peringkat Antarabangsa

BIL	TAJUK	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	ICBT - Defining Training for New Media and Social Media	24-25 Februari 2014	70
2.	Seminar Media Capacity to Cover Climate Change	17-18 November 2014	37
3.	MTCP 2014	18 Ogos – 19 September 2014	8

# PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA



BERNAMA ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta BERNAMA 1967 sebagai agensi berita nasional.

## Jabatan Pengarang

Jabatan Pengarang mempunyai tiga bahagian utama iaitu Perkhidmatan Berita Dalam Negeri, Perkhidmatan Berita Ekonomi dan Perkhidmatan Berita Antarabangsa. Jumlah keseluruhan berita yang dikeluarkan oleh tiga bahagian utama ini pada dalam tempoh Jan – Dis 2014 adalah 97,470 artikel berbanding pada tempoh sama 2013 yang berjumlah 94,757 artikel. Ini menunjukkan terdapat sedikit peningkatan sebanyak 2.9 peratus berbanding tahun 2013. Secara purata berita dikeluarkan setiap hari dalam tempoh berkenaan adalah 267 pada tahun 2014 dan 259 pada tahun 2013.

Penjanaan berita bagi kedua-dua PBDN dan PBE adalah 94,815 artikel pada tahun 2014 dan 91,938 artikel pada 2013. Secara purata penjanaan/pengeluaran untuk tempoh yang dinilai 2014 adalah 7,901 artikel sebulan berbanding 2013 adalah 7,661 item sebulan.

Produktiviti Biro Luar Negara menurun sebanyak 164 item bersamaan dengan 5.8 peratus dengan 2,655 item pada dua belas bulan yang dinilai berbanding tempoh yang sama tahun lepas dengan 2,819 item.

Jumlah keseluruhan berita eksklusif PBDN, Biro Negeri, PBE, dan Rencana dan Isu Khas adalah 7,377 artikel pada 2014 bertambah 36.8 peratus daripada 5,392 artikel pada 2013. Penjanaan berita eksklusif PBDN bertambah sebanyak 42.7 peratus dengan jumlah 2,678 artikel (2014) berbanding 1,876 artikel (2013) sepanjang setahun dan Biro Negeri mencatatkan 2,150 artikel (2014) berbanding 1,319 artikel (2013). Untuk PBE pula, penjanaan berita eksklusif adalah 1,896 artikel (2014) berbanding 1,715 artikel (2013).

Meja Rencana juga meningkat 35.5 peratus dalam tempoh yang dinilai. Jumlah artikel yang dihasilkan pada tahun 2014 adalah 653 artikel berbanding dengan 482 artikel pada tahun 2013.

Penghasilan berita Mandarin juga meningkat 4.7 peratus kepada 9,477 berita pada tahun 2014

berbanding 9,046 berita pada tahun 2013. Penghasilan foto bagi tempoh yang dinilai untuk 2014 berjumlah 55,458 keping gambar berkurang 230 keping gambar berbanding dengan 55,688 keping gambar pada tempoh sama tahun lalu.

Berita-berita dihasilkan BERNAMA selain dibekalkan kepada pelanggan media dan bukan media, turut disebar luas menerusi BERNAMA TV dan BERNAMA Radio24.

## Prestasi Kewangan

BERNAMA telah mencatatkan surplus sebanyak RM0.79 juta bagi tahun kewangan 2014 berbanding RM6.79 juta pada tahun 2013. Penurunan sebanyak RM6.00 juta atau 88% berikutan penurunan dalam pendapatan termasuk juga perbelanjaan.

Pendapatan BERNAMA pada tahun 2014 berjumlah RM78.44 juta menunjukkan penurunan sebanyak RM9.47 juta atau 11% berbanding RM87.91 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pendapatan ini juga merangkumi geran belanja mengurus yang diterima daripada kerajaan pada tahun 2014 iaitu berjumlah RM47.79 juta berbanding RM53.62 juta pada tahun 2013.

Perbelanjaan pada tahun 2014 berjumlah RM77.65 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.47 atau 4% berbanding RM81.12 juta pada tahun 2013. Kos emolument merupakan perbelanjaan terbesar iaitu 58% daripada keseluruhan perbelanjaan untuk tahun 2014.

## Jabatan Niaga

Jabatan Niaga berperanan dalam menghasilkan aktiviti jualan dan pemasaran produk BERNAMA kepada pasaran tempatan dan antarabangsa mengikut kehendak serta keperluan pelanggan melalui bahagian Perkhidmatan Media dan Pangkalan Data, bahagian Portal dan Pemasaran Foto, Bahagian Perhubungan Media dan Pengurusan Acara dan juga bahagian Jualan Nasional.

### PORTAL

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	2.25 Juta

### Pemasaran Foto

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	2.35 Juta

### Media dan Agensi Berita Asing

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	9.34 Juta

### Pangkalan Data dan Maklumat Korporat

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	2.12 Juta

### Perhubungan Media dan Pengurusan Acara

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	1.95 Juta

### Jualan Nasional

Tempoh	Pencapaian (RM)
Januari – Disember 2014	4.36 Juta

## BERNAMA TV

BERNAMA TV masih merupakan satu-satunya saluran televisyen yang menerbitkan berita dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Mandarin. Buletin berita dalam Bahasa Melayu diterbitkan sebanyak lima kali sehari selain Berita Dunia dalam Bahasa Melayu sebanyak dua kali, buletin Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil masing-masing dua kali sehari manakala buletin dalam Bahasa Mandarin sebanyak sekali sehari.

Di samping itu, Meja Penerbitan Bahasa Tamil dan Mandarin telah memperkenalkan program mingguan bual bicara Hello Malaysia edisi Tamil dan Mandarin pada tahun 2013. Program Hello Malaysia edisi Tamil bersiaran selama satu jam manakala Hello Malaysia edisi Mandarin selama setengah jam.

Beberapa program bual bicara dikendalikan dalam Bahasa Inggeris iaitu BERNAMA Today, The Nation dan 'Words Of Peace'. Program 'Salam Dari Jakarta' yang dibekalkan oleh Antara TV telah disiarkan dan juga program 'Salam dari Kuala Lumpur' juga dibekalkan kepada Antara TV.

Pertukaran dan penggunaan bahan visual antara BERNAMA TV dan RTM masih diteruskan.

BERNAMA TV mengorak langkah ke hadapan apabila pada 21 Mac 2014, siaran BERNAMA TV boleh ditonton di seluruh pelusuk dunia melalui portal [www.bernama.com](http://www.bernama.com).

## BERNAMA RADIO 24

BERNAMA Radio24 adalah stesen radio 24 jam yang mengudarakan berita sepanjang masa dari segala pelosok Negara dan dunia dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

BERNAMA Radio24 menyampaikan semua berita meliputi lalu lintas, laporan cuaca dan juga maklumat perniagaan. BERNAMA Radio24 turut menampilkan senarai tetamu kehormat yang terdiri daripada pembuat dasar, pemimpin-pemimpin kerajaan dan bukan kerajaan, artis-artis tanah air dan juga ikon perniagaan.

Frekuensi BERNAMA Radio24 di Lembah Klang adalah FM93.9 dan Johor FM107.5.

BERNAMA Radio24 mempunyai ramai pengikut dan sahabat di laman media sosial. Jumlah pengikut BERNAMA Radio24 di laman social Twitter adalah seramai 31,500 manakala jumlah sahabat BERNAMA Radio24 menerusi laman social Facebook pula adalah seramai 131,000 sehingga Disember 2014.

## BERNAMA Systems & Solutions Advisor Sdn. Bhd. (BESSAR)

BERNAMA System & Solution Advisor Sdn Bhd (BESSAR) telah menghasilkan pendapatannya sebanyak RM9.39 juta bagi tahun 2014 berbanding RM12.85 juta pada tahun 2013. Kerugian sebelum cukai yang dicatatkan oleh BESSAR adalah sebanyak RM 2.82 juta berbanding RM2.58 juta pada tahun 2013.

Walaupun bagaimanapun, aliran tunai BESSAR adalah baik dengan jumlah sebanyak RM 6.66 juta.

### NAM News Network (NNN)

NNN mengeluarkan berita setiap hari mengikut kategori berikut – Serantau (Asia, Afrika, Timur Tengah, Latin Amerika, Caribbean dan Eropah), Perniagaan dan Ekonomi, Sukan, Makanan, Rencana Khas, Tenaga, Kebudayaan, Alam Sekitar, Teknologi, Kesihatan, Wanita & Keluarga, Pelancongan, Siaran Media (meliputi Asia News Network), Foto dan Arkib Berita.

Berita terpilih juga disediakan untuk portal BERNAMA (bernama.com) dan juga untuk laman web ssg.gov.my (Maklumat Selatan Selatan Gateway) di mana laman web tersebut dikendalikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Dalam tempoh Jan hingga Disember 2014, sebanyak 36,662 berita Bahasa Inggeris, 10,025 berita Bahasa Sepanyol dan 21,404 berita Bahasa Arab telah dimuatnaik.

Selain itu, NNN juga menyediakan siaran akhbar harian ASIANET dan Business Wire sebahagian daripada ASIA NEWS NETWORK, di mana BERNAMA adalah rakan kongsi.

NNN juga menyediakan berita daripada agensi-agensi PBB, Asian Development Bank, International Monetary Fund, World Wildlife Fund dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa mengenai pembangunan, alam sekitar, kesihatan dan lain-lain.

### Anugerah / Pengiktirafan

1. BERNAMA menerima Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Pekerjaan 2014 bagi kategori 'Media' anjuran Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Kuala Lumpur.
2. Wartawan Syed Iyia Hariz Al-Qadri Syed Izman memenangi Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Pekerjaan 2014 bagi kategori 'Wartawan' anjuran Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Kuala Lumpur.
3. Wartawan Nasaruddin Mohammad menerima Anugerah Kewartawanan Foto Cemerlang anjuran (MPI-Petronas 2013).
4. Wartawan Mohd Hafizie Mohd Shabudin menerima Anugerah Foto Terbaik dalam kategori Profesional Pertandingan Anugerah Fotografi Antarabangsa Kedah
5. Wartawan Zamain Singkui menerima Fotografi Alam Sekitar Terbaik

6. Wartawan Nursyazwani Bakhtiar dan Hassan Salehuddin dari BERNAMA Radio24, masing-masing menerima Tempat Pertama dan Kedua Anugerah dari KPDNKK
7. Wartawan Norshazlina Norazman menerima Anugerah Penulisan Kazakhstan Indah daripada Menteri Luar Negeri.
8. Pusat maklumat dan Perpustakaan telah memenangi dua Anugerah sempena Hari Inovasi Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia 2014.
  - 8.1 Naib Johan Pertandingan Keceriaan Pejabat Terbaik 2014
  - 8.2 Tempat Ketiga Pertandingan Inovasi Terbaik 2014



PROGRAM / AKTIVITI

# PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA



## Bahagian Pembangunan Industri

Sejumlah 42 program latihan perfileman pada tahun 2014 iaitu 39 bengkel perfileman (menurun 11.36%), 2 master class dan 4 penganjuran seminar, forum serta diskusi. Seramai 750 orang (menurun 19.98%). Pada tahun 2014, sebanyak 81 (Meningkat 14.08%) buah filem telah ditayangkan dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM73.87 juta (menurun 13.44%). Berbanding dengan 2013 sebanyak 71 buah filem telah ditayangkan dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM85,33 juta.

Bagi dana CGI pula Pada tahun 2013, sebanyak 11 permohonan telah diluluskan di bawah Dana Kesan Khas (CGI) daripada 17 permohonan. Jumlah keseluruhan kelulusan dana adalah sebanyak RM6,030,000.00. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 5 buah filem berjaya disiapkan dan ditayangkan. Perkara ini sama peratusannya dengan tahun 2014.

Pada 2013, daripada 62 permohonan diterima sebanyak 38 permohonan telah diluluskan sebanyak RM605,236.95. Permohonan yang diluluskan adalah terdiri daripada 9 penerbitan filem pendek/dokumentari/animasi, 20 bantuan aktiviti perfileman dan selebihnya merupakan bantuan kepada industri termasuk mengadakan majlis anugerah, menghadiri festival antarabangsa serta dana mengadakan majlis bagi persatuan perfileman. Perkara ini naik 55.55% pada tahun 2014 apabila meningkat sebanyak 14 permohonan namun hanya 2 projek dilaksanakan.

Bagi hasil sewaan kemudahan dan peralatan FINAS pada tahun 2014 pula meningkat 133% iaitu meraih RM2.5 juta berbanding RM1 juta sahaja pada tahun 2013.

## Bahagian Pemasaran Promosi dan Promosi

Pada tahun 2013, FINAS telah menyertai sebanyak 7 program pasaran filem antarabangsa dan meraih adalah sebanyak RM160.69 juta meningkat 22.48% apabila berjaya memperoleh RM214.51 juta. Bagi program promosi pula meningkat 27.66%,

## Bahagian Kejuruteraan

Bagi kejuruteraan pula prestasi meningkat sebanyak 347.03% apabila Digitized Material (Hours) meningkat daripada 26,154 (2013) kepada 116,916 (2014) dan Material Upload (Titles) meningkat 10,066 (2013) dan 14,863 (2014) membawa peningkatan sebanyak 47.56%.

## Bahagian Kreatif dan Teknikal

Unit pelaksanaan produksi mencapai 100% dalam melaksanakan aktiviti penerbitan dokumentari. Manakala penerbitan treller meningkat 15% iaitu sebanyak 95 penerbitan (sasaran 100 penerbitan) berbanding 80 penerbitan pada tahun 2013. bagi liputan arkib pula sasaran meningkat 274% apabila berjaya menerbitkan 274 penerbitan (sasaran 100 penerbitan)

## Bahagian Galakan Pengembaraan

FIMO telah mencapai 100% sasaran berdasarkan permohonan FIMI dan KPI YB Menteri RM148,919,932.00 pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 meningkat kepada RM362,371,646.03 (meningkat 200%). Bagi Kerjasama Strategik juga mencapai 100% dalam menjalankan urusetia dan menguruskan FIMI dan sebagainya.

## Bahagian Makmal

Bagi tahun 2013 tiada jumlah dapat dibandingkan berikutan penajajaran organisasi sedang dilakukan. Namun pada 2014 pengurusan gedung 1700 koleksi filem, rawatan pemeliharaan dan pemuliharaan bahan filem 1680 unit dan restorasi pemeliharaan bahan filem kepada digital 100 unit.

## Audit

Prestasi Audit Dalam FINAS meningkat 152.94% apabila gerak kerja meningkat daripada 17 aktiviti (2013) kepada 26 aktiviti (2014). Perkara ini melibatkan pengauditan wilayah, pemeriksaan mengejut, pengauditan prestasi, pengauditan khas,

laporan sukuan UAD dan laporan tahunan AUD.

### **Komunikasi Korporat**

Lawatan sambil belajar dan rasmi FINAS telah menurun 16.67% pada tahun 2014 apabila mencatat 20 lawatan daripada 24 lawatan. Aduan Awam pula mencapai 100%. CSR dan press release juga mencapai 100%.

### **Penerbitan**

Pameran buku, cetakan laporan tahunan, cetakan kelender dan kad raya FINAS telah mencapai 100% pencapaian. Terbitan Buku Filem setara dengan mencapai 33.3%. Terbitan buku sinema Malaysia juga setara dengan capaian 75%.

### **Pusat Sumber**

Peningkatan 35% pada tahun 2014 apabila bilangan alihan tajuk filem dalam format analog ke format digital sebanyak 165 jam dan 2013 hanya 130 jam.

# PERBADANAN PEMBANGUNAN MULTIMEDIA




KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA | LAPORAN TAHUNAN 2014

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) ditubuhkan pada tahun 1996 untuk menasihati Kerajaan Malaysia secara strategik mengenai perundangan, dasar dan piawaian bagi ICT dan operasi multimedia di samping memantau selia pembangunan Koridor Raya Multimedia atau dikenali sebagai MSC Malaysia, sebagai platform untuk memupuk pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia dalam industri IT selain menarik penyertaan daripada syarikat-syarikat ICT global untuk melabur dan membangunkan penyelesaian digital dan kreatif yang canggih di Malaysia.

Hari ini, MSC Malaysia dan Digital Malaysia bergerak seiring untuk bersama-sama mendorong pembangunan industri ICT Malaysia dan transformasi digital di bawah pengawalseliaan MDeC.

## Pencapaian Keseluruhan MSC Malaysia Bagi Tahun 2014

Pada tahun 2014, MSC Malaysia mengalami pertumbuhan besar dalam semua petunjuk prestasi utama. Pendapatan syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia meningkat kepada RM38.52 bilion, pertumbuhan dua digit berbanding dengan tahun 2013. Sumbangan MSC Malaysia untuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak RM13.77 bilion, juga pertumbuhan dua digit sebanyak 14% berbanding dengan tahun 2013. Ini merangkumi 1.3% KDNK negara, satu jumlah yang besar dan semakin meningkat dalam menyasarkan pembangunan ekonomi digital yang mantap.



Para pemenang Anugerah Penghargaan Rakan Kongsi MSC Malaysia bersama Dato' Yasmin Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif MDeC, dan Michael Warren, Naib Presiden Kluster SSO dan Cik Ng Wan Peng, Ketua Pegawai Operasi MDeC.

## Pembangunan Bakat

Sepanjang tahun 2014, program bakat MDeC berjaya melatih sejumlah 21,293 tenaga kerja berpengetahuan tinggi dalam industri. Senarai program bakat dan inisiatif oleh MDeC membantu mengurangkan jurang antara permintaan dan penawaran dengan memenuhi sebanyak 40.2% daripada keperluan industri ICT secara keseluruhan. Dari segi peluang pekerjaan, kita berada pada kadar 95.7%, justeru mencerminkan kecekapan, keandalan dan kualiti bakat yang dihasilkan di bawah program ini.



Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berinteraksi dengan para pelajar selepas pelancaran Pusat Eksplorasi STEM di Pusat Pembangunan Pekerja Berpengetahuan, Cyberjaya pada 16 Oktober 2014


## Pembiayaan

MDeC memudahkan pembiayaan kepada syarikat-syarikat menerusi MSC Malaysia Innotech™ iaitu satu platform penajaan pelaburan yang diasaskan pada tahun 2008. Platform ini memadankan syarikat berasaskan teknologi dengan pembiaya ekuiti tempatan dan serantau yang berpotensi untuk pertumbuhan dan pengembangan pasaran.

MDeC sekali lagi menerima anugerah “Rakan Kongsi Penyokong Kukuh Industri 2014” oleh Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCA) atas peranannya sebagai pemudah dalam urusan pembiayaan antara penyedia dana dengan syarikat bagi memastikan aliran perjanjian yang berkualiti dan menguntungkan, serta menarik modal teroka asing dan menggalakkan usaha sama oleh penyedia modal teroka tempatan dan asing.

## Bandar Siber dan Pusat Siber

Pada 31 Disember 2014, terdapat 39 Bandar Siber/ Pusat Siber MSC Malaysia di seluruh negara, dengan 8 Pusat Siber baharu yang diluluskan pada tahun 2014 dengan jumlah keluasan pejabat sebanyak 2.48 juta kaki persegi. Jumlah keseluruhan keluasan ruang pejabat MSC Malaysia yang diluluskan pada tahun 2014 ialah 5.55 juta kaki persegi.



## Perkongsian ICT dalam KDNK

KDNK nasional telah meningkat pada CAGR sebanyak 8.2% dari tahun 2005 sehingga 2012. Sebagai perbandingan, KDNK ICT turut menunjukkan kemajuan positif dengan CAGR sebanyak 5.3% dalam tempoh yang sama. Peningkatan pada tahun 2013 adalah disebabkan kenaikan dalam semua bidang daripada pengeluaran domestik dan eksport kepada aktiviti e-dagang. Sumbangan ICT ini didorong oleh industri ICT dan meningkat sebanyak 16.38%. Ini termasuk 5.4% daripada subsektor e-dagang yang diterajui oleh aktiviti peruncitan.

## e-Dagang

Acara #MYCyberSALE telah julung kali diadakan dari 29 September hingga 1 Oktober 2014 dan mencatat satu kejayaan yang besar bagi industri e-dagang di Malaysia. Sepanjang festival membeli-belah secara dalam talian selama 3 hari ini, seramai 4.7 juta rakyat Malaysia mengunjungi 280 peserta e-Marketplace, membuat 227,000 pesanan dalam talian dan menghasilkan nilai transaksi sebanyak USD20.2 juta.



Upacara Penghargaan dan Taklimat Media #MYCybersale

Program-program kesedaran turut dianjurkan untuk menangani penggunaan ICT dalam kalangan belia dan keselamatan media sosial. Antara penyertaan daripada pasukan Belia Digital Malaysia ialah; Karnival Genexter 2014, Persidangan Perpustakaan Digital Antarabangsa, Karnival Pendidikan Star 2014 dan Festival Belia Putrajaya.



'Ajar Digital dengan IM4U' menasarkankan 215 belia di luar bandar



Latihan 'My Backpack'




## Seminar

### Asian Domain Dispute Resolution Centre Conference (ADNDRC) 2014

18 Januari 2014

Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration (KLRC) telah menjadi hos untuk Asian Domain Name Dispute Resolution Centre Conference (ADNDRC) 2014 yang telah berlangsung di Sheraton Imperial Kuala Lumpur. Persidangan ini merupakan satu platform bagi peserta untuk bertukar-tukar pandangan mengenai topik-topik penting seperti resolusi pertikaian nama domain. Selain menjadi pempamer dalam persidangan ini MYNIC yang diwakili oleh Ms. Yeo Yee Ling, Pengurus Undang-Undang turut menyampaikan kertas pembentangan bertajuk Dispute Resolution Policy From .MY ccTLD Perspective. Persidangan ini turut dihadiri oleh Pengarah KLRC iaitu Datuk Professor Sundra Rajoo.

### National Intellectual Property Convention (NIPC 2014)

20 – 21 Mei 2014

MYNIC telah menyertai National Intellectual Property Convention (NIPC 2014) yang diadakan di Hotel Istana Kuala Lumpur sebagai penaja strategik. YBr. En. Talib Sabri selaku Ketua Pegawai Strategi telah mewakili MYNIC sebagai salah seorang speaker dalam salah satu slot program tersebut dengan tajuk Domain Name: A New Breed of Property. MYNIC juga turut membuka booth pameran sebagai salah satu aktiviti pemasaran dan penjenamaan MYNIC.

### Seminar Usawah Anak Merdeka

28 Ogos 2015

Seminar Usawah Anak Merdeka merupakan salah satu program yang dianjurkan bersempena dengan sambutan Kemerdekaan yang ke 57. Seminar ini adalah bagi berkongsi pengalaman dan idea dunia perniagaan dalam talian. Selain itu juga, ia turut menyediakan peluang perniagaan serta memberi motivasi kepada peniaga-peniaga dalam talian. Antara speaker jemputan adalah Muhammad Ammar Zaharudin, Ketua Pegawai Eksekutif Jootawan Group Sdn Bhd, Ahmad Najmi Mahfodz, Ketua Pegawai Operasi Pos Laju, Aliman Ali, Ketua Program

Kewangan SME Bank, Azizul Othman, Pengurus Pembangunan Perniagaan MOLPay Sdn Bhd, Belle Al Yahya, Pengasas Belle Amamara, Zamri Din, Fotografi Professional, dan juga Talib Sabri Sulaiman, Ketua Pegawai Strategi MYNIC Berhad.

Seminar yang telah berlangsung di Premieria Hotel Kuala Lumpur pada 28 Ogos 2014 ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan mendapat penyertaan hampir 200 orang.

## Mesyuarat

### Asia Pacific Top Level Domain Association (APTLD) Meeting

20-24 Februari 2014

Mesyuarat Agung Tahunan Asia Pacific Top Level Domain Association (APTLD) telah berlangsung pada 20 hingga 24 Februari 2014 di Sunway Resort Hotel and Spa, Petaling Jaya, Selangor. Sebanyak 18 negara Asia Pasifik telah menyertai mesyuarat tersebut termasuk Singapura, Korea, Vietnam, Filipina, Jepun, New Zealand, Australia, Papua New Guinea, Rusia dan China. Ucaptama mesyuarat tersebut telah disampaikan oleh Mr. Toh Swee Hoe, Ketua Pegawai Kawal Selia Industri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Objektif mesyuarat tersebut adalah untuk bertukar-tukar maklumat dan kepakaran berkaitan industri nama domain, sebagai platform perbincangan berkaitan hal-hal polisi nama-nama domain dan juga sebagai penghubung di antara pendaftar nama domain seluruh dunia.

Antara isu-isu yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan Internationalised Domain Names (IDN) pendaftaran nama domain, Domain Name System Security Extensions (DNSSEC), perbincangan kontrak Internet Assigned Numbers Authority dan Internet Corporation for Assigned Names and Numbers serta pencapaian 2013. Ini diikuti dengan mesyuarat ahli-ahli APTLD dan Mesyuarat Agung Tahunan APTLD.

Antara negara yang membentangkan kertas kerja termasuklah Jepun (DS TTL Shortening Experience in .JP), Korea (DNSSEC Deployment in Korea), dan Thailand (Validation of Address Information: Translation and Transliteration to a Foreign Language) dan ramai lagi. Sebagai penganjur bersama, MYNIC

turut mengadakan sesi lawatan ke Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk menjalin hubungan rapat di antara ahli-ahli APTLD.

### **Mesyuarat Wakil Jualan Sah MYNIC 17- 27 Mac 2014**

Mesyuarat bersama wakil Jualan sah MYNIC di seluruh Malaysia adalah bagi berkongsi pelan pemasaran MYNIC, idea dan permasalahan wakil jualan MYNIC. Selain itu juga taklimat ringkas berkenaan Information Security Management System (ISMS) dan pengkemaskinian teknologi sistem pendaftaran domain juga dibuat bagi memastikan jualan nama domain ditingkatkan.

Sesi Mesyuarat tersebut telah diadakan di lokasi berikut:

- 1) 17 Mac 2015 - Traders Hotel, Pulau Pinang
- 2) 23 March - KSL Hotel, Johor Bahru, Johor
- 3) 24-27 Mac 2014 - Club House Country Height, Kajang, Selangor

### **Bengkel**

#### **Bengkel Laman Web myBuddies Sepanjang Tahun**

Sepanjang tahun 2014, MYNIC dengan kerjasama Livewebs Sdn Bhd telah mengadakan Bengkel Laman Web. Bengkel ini mendapat penyertaan daripada golongan usahawan dan orang awam dengan objektif untuk memberi tunjuk ajar kepada peserta dalam pembangunan laman web dan bertindak sebagai medium rangkaian jaringan antara peserta. Bengkel ini telah dilaksanakan di sekitar lembah Klang dan jumlah peserta yang telah mengikuti bengkel ini adalah seramai 1,408 orang. Peserta-peserta bengkel ini turut dibekalkan domain .com.my, .org.my dan edu.my serta penghosan bagi menggalakkan jumlah kehadiran dalam talian.

### **Lawatan**

#### **Lawatan Korporat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)**

##### **14 Februari 2014**

YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM bersama delegasi KKMM telah mengadakan lawatan ke MYNIC pada 14 Februari 2014. Kunjungan ini merupakan sesuatu yang bermakna bagi warga MYNIC yang merupakan salah satu agensi di bawah KKMM. Lawatan ini memberi peluang kepada Kementerian untuk mendapatkan maklumat terkini secara langsung berhubung Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, En. Hasnul Fadly Hassan telah membentangkan

pencapaian terbaru MYNIC dan perancangan untuk tahun 2014.

### **Karnival**

#### **Karnival Belia Putrajaya 23-25 Mei 2014**

Penyertaan MYNIC di Karnival Belia Putrajaya merupakan peluang baik untuk MYNIC meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memiliki nama domain .my kepada golongan belia di Malaysia. Karnival ini merupakan anjuran Kementerian Belia dan Sukan yang telah berlangsung di Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya. Pelbagai aktiviti dijalankan di gerai pameran MYNIC bagi menarik perhatian dan minat golongan belia seperti photo boot, kuiz dan pemberian cenderamata daripada MYNIC.

#### **EH EH Bazaar 21-22 Jun 2014**

MYNIC menyertai booth di EH EH Mega Bazaar bertempat di MAEPS, Serdang. Program yang dijalankan selama dua hari ini adalah bagi mendekati golongan peniaga dalam talian bagi memberitahu kepentingan penggunaan nama domain .my dalam memasarkan perniagaan dalam talian mereka dan sekaligus memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang dibawa oleh program .myBuddies.

#### **Fiesta Blogshop 30-31 Ogos 2014**

Bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-57 MYNIC telah mengadakan Fiesta Blogshop pada 30 – 31 Ogos 2014 yang berlangsung di Dataran Medan Pasar, Kuala Lumpur.

Inisiatif mengadakan fiesta ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada peniaga dalam talian untuk mempamerkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka dengan lebih meluas. Ia merupakan perjumpaan yang unik untuk komuniti usahawan dalam talian dan pembeli media sosial yang datang dari latar belakang yang berbeza-beza. Hampir 200 peniaga terlibat dan seramai lebih 5,000 pengunjung telah hadir ke fiesta ini.

#### **Karnival Jalur Lebar 1Malaysia 14-15 September 2014**

MYNIC telah menyertai Karnival Jalur Lebar 1Malaysia yang berlangsung di Mahsuri Exhibition International Centre (MEIC), Langkawi yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Pejabat Parlimen Langkawi dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Karnival yang telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak merupakan satu inisiatif Pemerikasaan Komunikasi Langkawi dan Jalur Lebar 1Malaysia di Langkawi bertujuan untuk mempromosikan penggunaan jalur lebar di kalangan rakyat negeri Kedah.

## Program

### **Seperang Bersama Blogger (SBB) 2014 8 Mac 2014**

MYNIC merupakan rakan usaha sama untuk program Seperang Bersama Blogger anjuran Denaihati Network 2014 yang telah berlangsung di Saloma Bistro. Program ini adalah untuk meraikan lebih 300 penulis blog dan aktivis media sosial dari Malaysia, Brunei dan Indonesia dan merupakan satu platform untuk mereka berkongsi maklumat serta melaksanakan aktiviti santai seperti cabutan bertuah. Melalui program ini juga MYNIC telah mengambil inisiatif memperkenalkan nama domain .my kepada setiap peserta dengan memetakan alamat blog mereka dengan domain .my.

### **Program I'm CEO, Sepang, Selangor 22 Januari 2014**

Ceramah kesedaran program I'm CEO bersempena program Enterprise Graduan Muda (EGM) di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang. Program ini menasarkankan golongan pelajar universiti dan kolej di Malaysia bagi mempelajari perniagaan dalam talian.

### **Program I'm CEO, UiTM Jengka, Pahang 9 Mac 2014**

Program kerjasama antara UiTM bersama MYNIC Berhad khusus untuk pelajar-pelajar universiti supaya mereka dapat menerokai pengalaman perniagaan dalam talian. Kaunter pendaftaran telah dibuka dan ceramah kesedaran program I'm CEO telah diadakan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka, Pahang. Pensyarah-pensyarah juga memandangkan positif terhadap program ini dan sambutan yang diterima di kalangan para pelajar UiTM amat menggalakkan.

### **Program I'm CEO Kick-Off Day 3 Jun 2014**

I'm CEO Kick-Off Day telah dirasmikan oleh Prof. Kehormat Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, Timbalan Canselor Perhubungan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). MYNIC menasarkankan 50,000 pelajar universiti yang membabitkan 100,000 pendaftaran nama domain melalui program ini. Program ini telah dirancang bagi menggalakan penyertaan di kalangan pelajar Universiti untuk menjalankan perniagaan

dalam talian sekaligus memberi pendedahan tentang kelebihan penggunaan nama domain .my dalam mengusahakan perniagaan dalam talian.

MYNIC juga turut merancang untuk mewujudkan satu komuniti usahawan muda dalam talian, memberikan pendedahan dalam bidang keusahawanan, berkongsi tips perniagaan dalam talian dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk memastikan kejayaan program ini.

### **Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) 13 November 2014**

MYNIC telah menyertai Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) yang telah dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Persembahan telah berlangsung di Studio Sound Stage, Finas, Hulu Kelang, Selangor. MYNIC telah membebentangkan Kertas Cadangan untuk Bengkel INita Bahagian Pantai Timur.

KIK merupakan satu kaedah untuk mengenal pasti cara menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan melalui inovasi. Setiap cara membolehkan meningkatkan kualiti dan produktiviti sesuatu organisasi. Idea-idea ini boleh melibatkan perubahan dalam sistem dan prosedur, kaedah dan cara kerja.

### **Malam Apresiasi untuk Wakil Jualan Sah MYNIC 15 November 2014**

Malam apresiasi telah berlangsung di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik, Putrajaya. Bertemakan Majlis Perkahwinan Tradisional Melayu ia merupakan malam yang indah apabila para tetamu disajikan dengan budaya Melayu yang penuh dengan warna-warni termasuklah paluan kompang, persembahan silat dan tarian kuda kepang.

Program ini adalah bagi menghargai kumpulan Wakil Jualan MYNIC yang sentiasa menyokong dan membantu MYNIC dalam memastikan peningkatan jualan nama domain .my. MYNIC percaya hubungan yang rapat juga harus dijalinan bagi membentuk satu jaringan komunikasi yang baik antara kedua-dua pihak sekaligus mencapai sasaran jualan.

### **Pertandingan Keceriaan Pejabat 18-19 November 2014**

Pertandingan Keceriaan Pejabat Terbaik telah diadakan bersempena dengan Hari Inovasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang dijadualkan berlangsung pada 18-19 November 2014. Untuk julung kalinya MYNIC menyertai pertandingan ini dan telah dipilih sebagai koordinator bersama untuk pertandingan tersebut. Penilaian pertandingan telah berlangsung dari 3 - 14 November 2014.

MYNIC telah berjaya mendapat tempat ketiga daripada tiga puluh empat peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi, bahagian dan unit di bawah KKMM. Pencapaian ini adalah merupakan satu kebanggaan dan penghargaan kepada MYNIC.

#### **Makan Malam Tahunan MYNIC 2014 17 Disember 2014**

Makan Malam Tahunan MYNIC 2014 telah diadakan pada 17 Disember 2014 bertempat di Hotel Pullman Lakeside Putrajaya. Bertemakan "I'm A Celebrity" (Black & Red). Majlis ini turut dihadiri Pengerusi MYNIC, Y.Bhg. Datuk Bridget Anne Chin Hung Yee dan barisan Ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Program ini adalah bagi meraikan pencapaian dan usaha yang berterusan daripada semua kakitangan MYNIC dalam memastikan kesinambungan dan kejayaan syarikat.

### **Promosi .My**

#### **Crazy Sale 24 Mac 2014**

Promosi ini memberikan Tawaran istimewa untuk semua pendaftaran baru nama domain. Hanya RM29.99 untuk .my, .com.my, .net.my, .org.my. Promosi ini bermula dari 24 Mac hingga 31 Mac 2014. Pemenang

#### **myCombo 17 Jun 2014**

Promosi myCombo untuk domain .my atau .com.my atau kedua-duanya hanya serendah RM35.00 setiap satu beserta pembaharuan lebih awal selama 4 tahun.

#### **Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta 26 Ogos 2014**

Bersempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-57, promosi istimewa untuk seluruh rakyat Malaysia dan juga syarikat-syarikat untuk mendaftar nama domain baru dengan hanya RM 31.08 untuk .my, .com.my, .net.my, dan .org.my. RM31.08 melambangkan tarikh kemerdekaan Negara iaitu 31 Ogos.

#### **Mega Blockbuster Sale 11 September 2014**

Sebagai menghargai kesetiaan dan sokongan terhadap domain .MY, jualan mega blockbuster untuk domain .my, .com.my, .net.my, dan .org.my telah diadakan bermula 11 September hingga 10 November 2014. Harga promosi untuk .my adalah RM 79.90 dan RM 49.90 untuk .com.my, .net.my serta .org.my.

#### **Harga Runtuh .my 17 November 2014**

MYNIC telah menjalankan promosi harga runtuh untuk nama domain .my dengan penawaran harga yang paling rendah iaitu RM 9.90 untuk 2 minggu. Tujuan promosi dijalankan adalah bagi menggalakkan serta meningkatkan pendaftaran nama domain .my.

### **Peraduan**

#### **Peraduan i-SNAP 14 April – 3 Mei 2014**

Salah satu langkah bagi memastikan penjenamaan yang kuat di media sosial adalah menjalankan kempen yang berterusan terhadap produk dan program yang dijalankan oleh MYNIC. Peraduan i-SNAP dilihat salah satu usaha yang menarik untuk memastikan interaksi antara MYNIC dan pengguna dijalankan di media sosial. Peraduan ini amat mudah di mana seseorang hanya perlu bergambar bersama dengan mana-mana alamat web .my atau mengambil gambar alamat web .my sama ada di atas label, papan iklan, papan tanda, pelekat, akhbar atau mana-mana bahan bercetak dan diposkan ke Facebook MYNIC. Seramai 21 orang telah dipilih sebagai pemenang. Kempen ini telah mendapat sambutan yang hangat daripada pengguna Facebook.

#### **Peraduan iSNAP Hari Malaysia 9 September 2014**

Peraduan ini adalah bersempena dengan sambutan Hari Malaysia yang mana peserta perlu mengambil gambar "selfie" dengan kreatif bersama Jalur Gemilang, dan menangi t-shirt eksklusif dari MYNIC. Gambar "selfie" tersebut mestilah dihantar ke Instagram dengan hashtag #MYNICHariMalaysia. Peraduan ini telah bermula dari 5 Ogos 2014 sehingga 16 September 2014.

### **MYNIC DAN PROGRAM CSR**

- 1) **CSR Bersama SKMM Wilayah Sarawak, Medong Villange, Dalat  
20-21 September 2014**  
MYNIC telah menyertai program Memperkasakan Komuniti dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SKMM Wilayah Sarawak, Medong Villange, Dalat.
- 2) **CSR Bersama SKMM DI Wilayah Tengah, Felda Sungai Tenggi.  
28 September 2014**  
MYNIC telah menyertai program Memperkasakan Komuniti dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SKMM Wilayah Tengah, Felda Sungai Tenggi.

## PENGUMUMAN

### **Email dan Hotline Baru untuk Khidmat Pelanggan 31 Disember 2014**

Bagi kemudahan pelanggan .MY satu jaringan penambahbaikan komunikasi dibuat oleh MYNIC melalui email [customercare@mynic.my](mailto:customercare@mynic.my) di mana ia membolehkan pihak MYNIC melayani segala pertanyaan daripada para pelanggan dan orang ramai dengan cepat dan berkesan.

Serentak dengan itu, nombor talian hotline baru untuk melaporkan sebarang insiden juga telah dilancarkan iaitu melalui talian 03-8991 7273 dan akan beroperasi 24 jam.

# AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA



Jabatan Penyiaran Malaysia  
RTM

Radio Televisyen Malaysia  
Angkasapuri,  
50614 Kuala Lumpur  
Telefon: 03-2282 5333  
Faks: 03-2282 7146  
E-mel: feedback@rtm.gov.my



JABATAN PENERANGAN

Jabatan Penerangan,  
Aras 5, 8 -16 dan 18, Kompleks Kementerian  
Komunikasi dan Multimedia  
No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100, Putrajaya, Malaysia  
Telefon :603-89113440  
Faks:603-89117599  
Emel:webmaster(at)inform.gov.my



MDEC

MSC Malaysia Client Contact Centre (CliC)  
Multimedia Development Corporation  
MSC Malaysia Headquarters  
2360 Persiaran APEC  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Telefon : 1-800-88-8338 (within Malaysia) OR  
Telefon : +6 03 8315 3000 (outside Malaysia)  
Faks : +603 8315 3115  
Emel : clic@MDeC.com.my



IPPTAR

Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak,  
Peti Surat 12163,  
Jalan Pantai Baharu,  
59700, Kuala Lumpur  
Tel : 03-22957555  
Faks : 03-22957575, 03-22824796  
E-mel : webipptar@kkmm.gov.my



FINAS

Perbadanan Kemajuan Filem  
Nasional Malaysia  
Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang,  
68000 Ampang, Selangor  
Nombor Telefon: 03 - 4104 1300  
Nombor Faks : 03 - 4107 5216



JASA

Jabatan Hal Ehwal Khas  
Tingkat 13, 14, 19 & 23, Menara MARA,  
232 Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2698 7152, 03-2693 7502/7498/7469  
Faks: 03-2694 4515  
Emel: webadmin@jasa.gov.my



BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia  
Malaysia National News Agency, Wisma BERNAMA  
No. 28, Jalan 1/65A,  
Off Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: 03 - 2693 9933  
Nombor Faks: 03 - 8688 1000  
MYNIC  
Telefon : 03 8991 7272  
Faks : 03 8991 7277  
E-mel :



MYNIC

domreg@mynic.my (pendaftaran & pertanyaan  
umum)  
billing@mynic.my (semakan bil)

Ibu Pejabat :  
Telefon :03 89435510  
Faks :03 89430820